



IDFR
LAPORAN TAHUNAN
2011
ANNUAL REPORT





IDFR
LAPORAN TAHUNAN
2011
ANNUAL REPORT

@IDFR 2012

Diterbitkan oleh

INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)

Kementerian Luar Negeri

Kuala Lumpur, Malaysia

www.idfr.gov.my

Hakcipta terpelihara. Tiada kandungan dalam penerbitan ini boleh disalin, disimpan dalam sistem penyimpanan, atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik, mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman, imbasan dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

ISSN 1985-1030

KANDUNGAN

Perutusan daripada Ketua Setiausaha,
Kementerian Luar Negeri, Malaysia **4**

Kata Pengantar oleh Ketua Pengarah,
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri **6**

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) **11**

Penaung Diraja IDFR **15**

Program IDFR 2011 **17**

Laporan Bahagian Latihan **23**

Laporan Bahagian Bahasa **31**

Laporan Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti **41**

Laporan Bahagian Pengajian Akademik,
Penyelidikan dan Penerbitan **51**

Laporan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat **55**

Wisma Putra International Charity Bazaar 2011 **61**

**Perutusan daripada
KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA**





Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada IDFR sempena ulangtahun penubuhannya yang ke-20 pada 1 Julai 2011. IDFR pada awalnya telah ditubuhkan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Kini sebagai agensi di bawah Kementerian Luar Negeri, IDFR telah berkembang sebagai sebuah institusi ternama di Malaysia yang melatih bukan sahaja para diplomat dan pegawai Kerajaan Malaysia tetapi juga para peserta dari pelbagai negara, dalam bidang diplomasi dan hal ehwal antarabangsa.

Saya percaya bahawa latihan merupakan komponen yang penting terutamanya dalam perkembangan profesional seorang diplomat Malaysia. Hanya melalui pembelajaran dan latihan berterusan, kita dapat melahirkan para pegawai yang kompeten dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dunia tanpa sempadan. Dalam konteks ini, saya amat berpuas hati dengan sumbangan IDFR dalam merancang dan menganjurkan pelbagai program latihan yang diperlukan bukan sahaja oleh diplomat Malaysia, tetapi juga penjawat awam yang lain dan para peserta luar negara melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM). Saya sentiasa menyarankan supaya semua pegawai Kementerian Luar Negeri mengambil peluang mengikuti latihan di IDFR.

Saya juga amat berbesar hati kerana IDFR telah melaksanakan pelbagai aktiviti baru, selain dari program latihan, ceramah umum, perbincangan meja bulat dan forum yang biasa dianjurkan olehnya sepanjang tahun 2011. Buat julung kalinya, IDFR dengan kerjasama INTAN, telah memperkenalkan modul Dasar Luar Negara Malaysia di dalam e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) INTAN. Modul ini adalah yang pertama seumpamanya yang ditawarkan kepada penjawat awam. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman umum tentang Dasar Luar Negara. Selain itu, IDFR juga telah berjaya membangunkan sistem *Checklist of IDFR's Tasks and Communication (CLIK)* yang bertujuan memudahkan pemantauan dan pengurusan kursus, projek dan program semasa serta yang akan datang. Sesungguhnya, inovasi sebegini amat digalakkan oleh Kementerian ke arah meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan.

Dalam era kepesatan teknologi maklumat masa kini, media baru berperanan sebagai saluran komunikasi yang penting bagi penyebaran maklumat kepada orang awam. Perkembangan ini perlu dimanfaatkan secara positif oleh Kementerian sebagai usaha mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan dengan pelanggan Kementerian. Syabas juga kepada IDFR kerana telah mempunyai akaun rasmi Facebook untuk mengeratkan hubungan yang telah terjalin dengan bekas peserta kursus di IDFR. Pada tahun 2011 juga, IDFR telah berjaya menghasilkan buletin *Diplomatic Voice*. Buletin suku tahunan ini merupakan salah satu program seranta yang dapat membantu menghubung Kementerian dengan golongan akademik, diplomat, pelanggan Kementerian dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Saya juga berpuas hati dengan penekanan yang diberikan oleh IDFR terhadap penguasaan bahasa asing dan mengalu-alukan penganjuran semula kursus Bahasa Mandarin di IDFR. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menggalakkan semua pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri dan lain-lain kementerian dan agensi kerajaan untuk mengikuti kursus bahasa asing yang ditawarkan di IDFR. Walaupun penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting, penguasaan bahasa asing juga merupakan aset yang amat berharga terutamanya apabila bertugas di negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, Ketua Pengarah IDFR serta pegawai-pegawai dan kakitangan IDFR atas segala kejayaan yang dicapai IDFR dalam tahun 2011. Saya yakin bahawa dengan komitmen, dedikasi, kesungguhan dan profesionalisme para pegawai dan kakitangannya, IDFR akan terus menempa kejayaan demi kejayaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Terima kasih.

TAN SRI MOHD RADZI ABDUL RAHMAN

**Kata Pengantar oleh
KETUA PENGARAH,
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN
LUAR NEGERI**





Dalam tahun 2011, IDFR telah melalui tahun yang gemilang dan telah memaparkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang. Pencapaian ini adalah refleksi segala usaha mantap dan gigih oleh para pegawai dan staf IDFR sebagai satu pasukan. Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan tulus ikhlas saya kepada semua warga IDFR.

Saya amat gembira dengan perkembangan IDFR yang kini dilihat sebagai pusat latihan dan penyelidikan diplomasi dan hubungan antarabangsa bertaraf global. Sebagai institusi latihan kepada Kementerian Luar Negeri, IDFR berazam untuk mengukuhkan lagi keupayaan dan reputasi dalam memberi kursus latihan ke tahap piawaian antarabangsa.

IDFR meneruskan tradisi dalam penawaran Sarjana Sains Sosial Dalam Bidang Strategi dan Diplomasi, program anjuran bersama IDFR dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia merupakan program intensif sepenuh masa selama 13 bulan yang memberi pemahaman mendalam tentang hubungan strategi dan diplomasi dalam konteks perubahan persekitaran di peringkat serantau dan global. Sesi 2010/2011 melibatkan 11 pelajar yang terdiri dari lima pelajar Malaysia dan enam pelajar antarabangsa dari Bosnia Herzegovina, Fiji, Malawi, Maldives, Myammar dan Vietnam. Manakala Sesi 2011/2012, seramai 15 pelajar sedang mengikuti program ini. Mereka terdiri dari sembilan pelajar Malaysia dan enam pelajar antarabangsa dari Gambia, Indonesia, Laos, Tanzania dan Yemen.

Tahun 2011 telah menyaksikan kejayaan 24 peserta menamatkan program *Diploma in Diplomacy* (DiD) siri kedua pada bulan April lalu. Kehadiran Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia pada Majlis Graduasi telah menzahirkan kepentingan kursus diploma ini bukan hanya untuk para peserta, tetapi juga bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat. Saya percaya bahawa kursus ini melengkapkan diri peserta dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan diplomasi dan hubungan antarabangsa. Selain berjaya menamatkan kesemua modul dalam tempoh enam bulan, peserta DiD juga mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya menakluki puncak Gunung Kinabalu, Sabah.

Sepanjang tahun 2011, IDFR telah berjaya menjalankan semua program yang dirancang merangkumi program melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa. IDFR telah menjalankan sebanyak 51 latihan dan kursus bahasa yang melibatkan penyertaan sejumlah 1,371 orang peserta tempatan dan 105 orang peserta antarabangsa. Pada tahun 2011 juga pegawai-pegawai kanan di peringkat Ketua Perwakilan telah menghadiri dua siri *Orientation Course for Heads of Mission and their Spouses* pada bulan Januari dan Julai.

Selain dari kursus latihan yang telah dirancang, terdapat juga kursus-kursus baru yang dimuatkan dalam Kalendar Latihan 2011 yang melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa iaitu *English Language Course: Training of Trainers for Officers from Lao PDR, ASEAN-China Young Diplomats Training Course* serta *Orientation Course for Personal Assistants and Secretaries*. Pelaksanaan kursus-kursus baru ini menunjukkan bahawa IDFR juga sentiasa bersedia untuk memenuhi permintaan *ad-hoc* berdasarkan keperluan dan permintaan oleh stakeholders yang yakin dengan kemampuan IDFR mengendalikan kursus-kursus tersebut.

Tahun 2011 juga menyaksikan peningkatan kerjasama antara IDFR dan pelbagai institusi diantaranya Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut ASEAN dan Ehwal Global (INSPAG), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), Akademi Sains Malaysia (ASM), Association of Former Malaysian Ambassadors (AFMA), dan Foreign Policy Study Group (FPSG).

Peranan IDFR sebagai pusat diplomasi dan hubungan antarabangsa terus mendapat pengiktirafan apabila ia sekali lagi diberi kepercayaan oleh INTAN untuk menjalankan dua siri *International Relations Module* untuk 302 peserta Diploma Pengurusan Awam (DPA). Modul tersebut turut melibatkan lawatan ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan Kolej Perkhidmatan Awam Singapura.



Di IDFR, penyebaran ilmu boleh dilakukan tidak hanya semata-mata melalui pengendalian kursus-kursus latihan. Setiap syarahan umum dan sesi wacana anjurannya juga telah menarik minat dan memberi manfaat kepada banyak pihak termasuk para pegawai dari kementerian dan agensi tempatan serta kedutaan-kedutaan asing di Kuala Lumpur.

Seiring dengan perkembangan isu-isu semasa antarabangsa, IDFR amat berbangga dengan kehadiran penceramah jemputan terkemuka ke siri ceramah umum dan perbincangan mejabulat seperti Tuan Yang Terutama (TYT) Simon Featherstone, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia; TYT Dr. Mario Nobilo, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Politik, Kementerian Luar Negeri Republik Croatia; TYT Lyudmila G. Vorobyeva, Duta Besar Rusia ke Malaysia; TYT Dr. Carlos Lopes, Pengarah Eksekutif UNITAR; Dr. Ali A. Soliman, bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Perbadanan Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta Bank Pembangunan Islam (IDB); TYT Dr. Bouthaina Shaaban, Penasihat Politik dan Media serta Perutusan Khas Presiden Republik Arab Syria; Dr. Mostafa Dolatyar, Ketua Pengarah Institut Kajian Politik dan Antarabangsa (IPIS) Republik Islam Iran, TYT Ambassador Schmidt Fernando, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Chile dan Dr. Abdullah Abdullah, Ketua Jawatankuasa Politik Majlis Undangan Negara dan Ahli Majlis Revolusi Pergerakan Pembebasan Palestin (FATAH). Penganjuran semua siri syarahan umum dan perbincangan mejabulat ini berobjektif untuk berkongsi dan memaklumkan rakyat Malaysia tentang perkembangan terkini isu-isu antarabangsa yang berkaitan yang terjadi di negara para penceramah.

Selain siri syarahan umum, IDFR, dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) juga telah turut menganjurkan sesi wacana intelektual yang melibatkan penceramah terkenal iaitu TYT Dr. Rita Colwell, Perutusan Sains Amerika Syarikat; *Nobel Laureate* Profesor Lee Yuan Tseh, Felo Penyelidikan ASM serta Felo Kehormat dan Mantan Presiden Academia Sinica Taiwan dan Sir Peter Michael Williams, Bendahari Kehormat dan Naib Presiden Royal Society, United Kingdom.

Dalam tahun 2011, IDFR juga amat berbesar hati menerima kehadiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dan

Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi; Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak serta Dato' Richard Riot, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, masing-masing telah berkongsi cetusan idea dan pemikiran mengenai isu-isu semasa antarabangsa dan serantau.

Saya juga amat gembira apabila aspek penerbitan IDFR semakin meningkat dari tahun ke tahun. IDFR telah berjaya menerbitkan empat keluaran buletin yang dikenali sebagai *Diplomatic Voice*. *Diplomatic Voice* adalah penerbitan berkala setiap suku tahun dengan isu pertama telah dilancarkan pada bulan April 2011. Ia berfungsi sebagai platform bagi perkongsian maklumat dan pengetahuan berkenaan isu diplomasi dan hubungan antarabangsa. Ia merupakan satu lagi pencapaian penting bagi IDFR yang mana ia telah diedarkan merentasi tujuh benua. Selain dari itu, Unit Penerbitan, bersama Seksyen ICT telah menghasilkan satu inovasi yang membanggakan iaitu sistem pengurusan projek yang dipanggil CLIK atau *Checklist of IDFR's Tasks and Communication* yang membolehkan pihak pengurusan atasan IDFR mendapat gambaran keseluruhan dan membuat pemantauan yang lebih mendalam tentang kursus, projek atau acara yang dirancang, dikendalikan atau sedang berjalan di IDFR. Di samping itu, IDFR dengan kerjasama INTAN, telah menghasilkan modul *e-learning* bertajuk *Malaysia's Foreign Policy*. Modul ini boleh diakses melalui portal INTAN E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

Dalam tahun 2011 beberapa kursus telah dijalankan bagi meningkatkan kemahiran dan motivasi kakitangan IDFR. Ini termasuklah NADIM-Modul Usaha Program, *Interpersonal Skills Course* dan *Protocol and Etiquette Course*. Untuk program anjangkarya pula, IDFR telah berjaya menganjurkan *Wisma Putra International Charity Bazaar 2011*, menerima banyak penyertaan dari Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi, institusi pengajian tinggi dan syarikat swasta. Pengusaha industri kecil dan sederhana juga telah turut serta mengambil bahagian menjayakan Bazar amal tersebut. IDFR juga telah meluaskan skop program anjangkarya dengan menganjurkan program khas melibatkan 20 pelajar *Johor Students Leaders Council* (JSLC) di



bawah Program Diplomat Muda. Dalam kesibukan menganjurkan pelbagai kursus, IDFR tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik. IDFR telah meraikan anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim Titian Kasih Titiwangsa dalam Majlis Iftar pada bulan Ramadan yang lalu. Selain itu, IDFR juga telah bekerjasama dengan Kumpulan Krista untuk menjayakan Marathon Muzik 1Malaysia, alunan muzik selama 11 jam tanpa henti oleh kanak-kanak autistik sekaligus telah berjaya mencatat rekod dalam *Malaysia Book of Records*. IDFR juga telah menjadi tuan rumah kepada pelancaran Hari UNESCO Malaysia 2011 yang diadakan julung kalinya. Ia telah dirasmikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Akhir kata, IDFR ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan junjungan kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak atas perkenan Duli Tuanku menjadi Penaung Diraja IDFR. Kebijaksanaan dan pengetahuan luas Duli Tuanku pasti akan menaikkan lagi nama serta memacu kemajuan IDFR.

Terima kasih.

DATO' KU JAAFAR KU SHAARI



INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)



INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)



Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, yang juga dikenali sebagai IDFR, telah ditubuhkan pada 1 Julai 1991 di bawah Jabatan Perdana Menteri, susulan daripada keputusan Kabinet pada 6 Mac 1991. Pada 12 Ogos tahun yang sama, IDFR telah dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri pada waktu itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada 27 Mac 2004, IDFR dengan rasminya menjadi sebahagian dari Kementerian Luar Negeri, Malaysia. Kampusnya yang terletak di Jalan Wisma Putra, Kuala Lumpur, merupakan bekas bangunan Kementerian Luar Negeri, Malaysia sebelum ia berpindah ke Putrajaya pada 2001, dan telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 8 Januari 2009.

Sebagai institut latihan di bawah Kementerian Luar Negeri, IDFR menawarkan pelbagai program latihan kepada para pegawai kementerian tersebut dan juga kementerian-kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang lain. IDFR turut menganjurkan kursus-kursus pra-penempatan bagi pasangan kepada Ketua-ketua Perwakilan serta para pegawai yang akan bertugas di luar negara, sebagai persediaan kepada mereka untuk menjalankan tugas di sana.

Pada 4 Januari 2010, salah satu program utama di IDFR iaitu *Diplomatic Training Course for PTD Officers*, telah dinaiktaraf ke peringkat diploma, di mana para peserta telah dianugerahkan *Diploma in Diplomacy* (DiD). Ia



merupakan kursus diploma pertama yang dianjurkan oleh IDFR, dan kursus enam bulan tersebut melatih para diplomat muda Malaysia dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. IDFR telah berjaya menganjurkan dua siri DiD pada tahun 2010 dan 2011, dan siri seterusnya dijadualkan pada bulan April 2012. Program diploma itu turut mengetengahkan modul *Regional and International*, yang disertai oleh para diplomat muda dari beberapa perwakilan asing di Kuala Lumpur. Modul tersebut telah memberi manfaat kepada para diplomat muda Malaysia, di mana ia telah memberi peluang kepada mereka untuk bertukar pendapat dan pengalaman.

IDFR turut menawarkan program Sarjana Sains Sosial dalam bidang Strategi dan Diplomasi, anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia semenjak tahun 1999. Selain pelajar Malaysia, para peserta turut terdiri daripada mereka yang datang dari Australia, Amerika Syarikat, Bosnia dan Herzegovina, China, Fiji, Indonesia, Kanada, Oman dan Sri Lanka.

Pada bulan September 2011, kursus bahasa Mandarin telah ditawarkan di IDFR, dan menjadi pelengkap kepada kursus-kursus bahasa asing yang sedia ada, iaitu bahasa Inggeris, Arab, Perancis dan Sepanyol. Kursus yang dianjurkan dengan bantuan Institut Pengajian Bahasa China Kong Zi, Universiti Malaya itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Lebih dari 100 peserta telah mengikuti kursus tersebut. Atas permintaan beberapa perwakilan asing di Kuala Lumpur, IDFR telah sekali lagi menawarkan kursus *Conversational Malay* kepada para diplomat mereka. Kursus ini memperkenalkan mereka kepada perkataan dan ungkapan asas dalam bahasa Melayu, yang boleh membantu memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan di Malaysia.

Program latihan IDFR turut ditawarkan kepada para peserta dari negara-negara membangun di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), di samping dari ASEAN, Rancangan Colombo dan Komanwel. IDFR telah menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan beberapa akademi diplomatik dan institut latihan, termasuk Diplomatic Academy of the Russian Federation, Diplomatic Academy of Ukraine, dan United Nations Institute for Training and Research, yang mana IDFR merancang untuk menawarkan persijilan

bersama untuk modul *Multilateral Diplomacy* bagi program DiD. IDFR turut menjalinkan hubungan dengan institut latihan hubungan antarabangsa di Australia dan Thailand. IDFR turut bekerjasama dengan beberapa institusi tempatan seperti Akademi Sains Malaysia (ASM), Institut Pengajian ASEAN dan Ehwal Global (INSPAG), Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam (IAIS), Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Association of Former Malaysian Ambassadors (AFMA), Foreign Policy Study Group (FPSG), United Nations Association of Malaysia (UNAM) dan Akademi Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta perwakilan asing di Kuala Lumpur, antaranya dalam penganjuran ceramah umum, forum dan perbincangan meja bulat yang meliputi pelbagai isu serantau dan antarabangsa.

Penceramah jemputan terkemuka yang pernah berucap di IDFR termasuklah Kofi Annan, Haris Silajdzic, Lee Hsien Loong, Nelson Mandela, Reverend Jesse Louis Jackson Sr., Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, Tun Musa Hitam, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

IDFR turut mendapat sokongan daripada panel *Distinguished Fellows* yang menyumbang pendapat dan memberi bimbingan dalam pengembangan IDFR. Mereka terdiri daripada para pengamal yang berpengalaman, ahli-ahli akademik yang ulung dan pakar-pakar dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

IDFR amat berbesar hati apabila Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan yang juga seorang sarjana ulung, telah berkenan untuk menjadi Penaung Diraja IDFR pada bulan Julai 2011. IDFR dengan penuh takzimnya berharap naungan dan bimbingan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dapat membuka jalan kepada institut ini untuk dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah institut yang tersohor dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa.

VISI

Menjadi sebuah pusat antarabangsa dalam bidang latihan serta penyelidikan diplomasi dan hubungan antarabangsa yang dikenali di peringkat dunia



MISI

- ❖ Meningkatkan kecekapan dan profesionalisme para pegawai diplomatik melalui latihan yang sistematis dan berkaitan
- ❖ Memberi latihan yang berkualiti dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa kepada para peserta dari dalam dan luar negara
- ❖ Menyediakan persekitaran latihan yang kondusif menggunakan kemudahan yang serba canggih dan terkini
- ❖ Mempertingkatkan usaha menjadikan IDFR sebagai pusat rujukan polisi luar negeri melalui penyelidikan dan penerbitan
- ❖ Menjalin hubungan strategik dalam bidang latihan dan penyelidikan bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan, dan pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara
- ❖ Menjangkau dunia melalui polisi luar negeri Malaysia

BAHAGIAN DI IDFR

- ❖ Bahagian Latihan
- ❖ Bahagian Bahasa
- ❖ Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti
- ❖ Bahagian Pengajian Akademik, Penyelidikan dan Penerbitan
- ❖ Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat

PROGRAM

IDFR menawarkan kursus/program di bawah bidang kepakaran berikut:

- ❖ Latihan Diplomatik
- ❖ Latihan Bahasa
- ❖ Program Sarjana
- ❖ Pengajian Serantau dan Sekuriti

KEMUDAHAN DI IDFR

Antara kemudahan yang terdapat di IDFR adalah:

- ❖ Bilik latihan dan persidangan serta makmal bahasa yang lengkap
- ❖ Perpustakaan yang lengkap dan mempunyai sumber pembelajaran kendiri
- ❖ Auditorium yang boleh memuatkan sehingga 250 orang
- ❖ Dewan serbaguna yang boleh memuatkan sehingga 500 orang
- ❖ 51 bilik asrama bertaraf antarabangsa, termasuk sepuluh bilik mewah
- ❖ Gimnasium, kolam renang, gelanggang tenis dan skuasy
- ❖ Liputan rangkaian tanpa wayar di bilik mesyuarat, auditorium dan kafeteria





PENAUNG DIRAJA IDFR



PENAUNG DIRAJA IDFR



Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah ialah Raja Muda Perak Darul Ridzuan. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku merupakan putera sulung Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku telah menjadi Tengku Mahkota Perak dari tahun 1989 hingga 1994 semasa ayahanda Duli Yang Teramat Mulia Tuanku diangkat sebagai Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang ke-sembilan.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah memegang ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford dan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi Politik dan Kerajaan dari Universiti Harvard. Bidang penyelidikan yang menjadi tumpuan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku ialah pembangunan ekonomi dan politik di Asia Tenggara, perkembangan ekonomi di negara-negara membangun dan sejarah ekonomi. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku menulis banyak rencana dan bertitah tentang pelbagai isu termasuk pemerintahan raja berpelembagaan, pembangunan negara, agama Islam, kewangan Islam, hubungan etnik dan agama, pendidikan dan pembangunan sosio-ekonomi.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah merupakan Pro-Canselor Universiti Malaya; Presiden Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak; *Eminent Fellow*, Institut Kajian Strategik

dan Antarabangsa, Malaysia; Felo DiRaja, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia; Felo Kehormat Worcester College, Universiti Oxford; dan Ahli Kehormat Magdalene College, Universiti Cambridge. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, *Oxford Centre for Islamic Studies*, Universiti Oxford; Pengurus, Lembaga Pengelola Maktab Melayu Kuala Kangsar; dan Penaung Diraja *Kuala Lumpur Business Club*. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku dari November 2008 hingga April 2009 merupakan Pengurus Kehormat “Bridges - Dialogues Towards a Culture of Peace”, anjuran Yayasan Keamanan Antarabangsa.

Di arena antarabangsa, Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah mewakili Kerajaan Malaysia sebagai Duta Kewangan, Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku juga merupakan Utusan Khas Malaysia untuk Dialog Antara Agama dan Antara Peradaban. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku telah mengetuai delegasi Malaysia ke *United Nations Alliance of Civilisations Forums* di Doha dari 11 hingga 13 Disember 2011, di Rio de Janeiro dari 28 hingga 29 Mei 2010 dan ke Mesyuarat Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) untuk Dialog Antara Agama dan Kerjasama bagi Keamanan dan Pembangunan di Manila dari 16 hingga 18 Mac 2010. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku juga telah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Teknologi Luar Pesisir di Houston, Texas dari 2 hingga 5 Mei 2011.

The background of the image is a photograph of a forest. It features numerous tall, thin evergreen trees with dark green, needle-like foliage. The trees are densely packed, creating a textured pattern across the frame. The sky above the trees is a bright, clear blue with no visible clouds or birds.

PROGRAM IDFR 2011



PROGRAM IDFR 2011

BAHAGIAN LATIHAN

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Latihan	<i>Diploma in Diplomacy 2/2010-2011</i>	18 Oktober 2010-22 April 2011
	<i>Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 1/2011 (SPKM)</i>	17-28 Januari
	<i>Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses 1/2011</i>	25-31 Januari
	<i>Workshop on Public Diplomacy and Media Skills 1/2011</i>	21-24 Februari
	<i>Diplomatic Training Course for International Participants 1/2011 (PKTM)</i>	14 Mac-1 April
	<i>Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 2/2011 (SPKM)</i>	4-15 April
	<i>Workshop on International Negotiation for Senior Officers</i>	3-5 Mei
	<i>Workshop on Introduction to Public International Law</i>	23-26 Mei
	<i>International Relations Module for Participants of the Diploma in Public Management 2/2010</i>	23 Mei-3 Jun
	<i>English Language Course-Training of Trainers for Officers from Lao People's Democratic Republic</i>	27 Jun-8 Julai
	<i>Mid Career Course for Diplomats</i>	4-15 Julai
	<i>Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 3/2011 (SPKM)</i>	18-29 Julai
	<i>Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses 2/2011</i>	25-29 Julai
	<i>Orientation Course for Personal Assistants and Secretaries</i>	19-30 September
	<i>Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses 4/2011 (SPKM)</i>	26 September-7 Oktober



Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Latihan	<i>Diplomatic Training Course for International Participants 2/2011 (PKTM)</i>	3-21 Oktober
	<i>Commonwealth Regional Programme in Diplomatic Training 2011</i>	10-23 Oktober
	<i>Strategic Analysis for International Participants (PKTM)</i>	17 Oktober-4 November
	<i>International Relations Module for Participants of the Diploma in Public Management 1/2011</i>	8-12 November
	<i>Crisis Management for International Participants (PKTM)</i>	8-25 November
	<i>Workshop on Public Diplomacy and Media Skills 2/2011</i>	21-24 November
	<i>Workshop on Maritime Diplomacy</i>	5-8 Disember
	<i>ASEAN-China Young Diplomats Training Course</i>	5-16 Disember

BAHAGIAN BAHASA

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Bahasa Inggeris	<i>Diploma in Diplomacy 2/2010-2011 (English Module)</i>	18 Oktober 2010-22 April 2011
	<i>Say it Right: A Course In Pronunciation 1/2011</i>	22-24 Februari
	<i>Building Blocks of Good English 1/2011</i>	21-25 Mac
	<i>English for Communication Part 1</i>	9-13 Mei
	<i>Effective Speaking Skills 1/2011</i>	23-26 Mei
	<i>Effective Writing Skills 1/2011</i>	13-17 Jun
	<i>English Language Course-Training of Trainers for Officers from Lao People's Democratic Republic</i>	27 Jun-8 Julai



Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Bahasa Inggeris	<i>Say it Right: A Course In Pronunciation 2/2011</i>	26-28 Julai
	<i>English for Communication Part 2</i>	12-15 September
	<i>Effective Speaking Skills 2/2011</i>	26-29 September
	<i>Effective Writing Skills 2/2011</i>	17-21 Oktober
	<i>Building Blocks of Good English 2/2011</i>	21-25 November
Bahasa Arab	<i>Kursus Intensif Bahasa Arab untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011</i>	18 Oktober 2010-22 April 2011
	<i>Bahasa Arab Tahap V</i>	17 Januari-15 Jun
	<i>Bahasa Arab Tahap IX</i>	18 Januari-13 Disember
	<i>Bahasa Arab Tahap VI</i>	20 Januari-15 Disember
	<i>Bahasa Arab Tahap XII</i>	21 Januari-16 Disember
	<i>Bahasa Arab Tahap I</i>	27 Jun-21 Disember
Bahasa Perancis	<i>Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011</i>	18 Oktober 2010-22 April 2011
	<i>Bahasa Perancis Tahap IV</i>	25 April-28 November
	<i>Bahasa Perancis Tahap VII</i>	25 April-28 November
	<i>Bahasa Perancis Tahap IA</i>	26 April-29 November
	<i>Bahasa Perancis Tahap IB</i>	26 April-30 November
Bahasa Melayu	<i>Conversational Malay</i>	20 September-24 November
Bahasa Mandarin	<i>Mandarin Level 1</i>	19 September-9 November
Bahasa Sepanyol	<i>Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011</i>	18 Oktober 2010-22 April 2011
	<i>Bahasa Sepanyol Tahap IV</i>	25 April-24 Oktober
	<i>Bahasa Sepanyol Tahap IA</i>	26 April-27 Oktober
	<i>Bahasa Sepanyol Tahap IB</i>	27 April-29 Oktober
	<i>Bahasa Sepanyol Tahap II</i>	8 November 2011-Mei 2012



BAHAGIAN PENGAJIAN SERANTAU DAN SEKURITI

Program	Kursus/Tajuk	Tarikh
Sarjana	<i>Sarjana Sains Sosial Dalam Bidang Strategi dan Diplomasi</i>	4 September 2011-30 Ogos 2012
Ceramah Umum	<i>From Peacekeeping to Peacemaking-A Story of Transformation in the Former Yugoslavia</i>	9 Mei
	<i>Promoting Science Diplomacy through Scientific Collaboration</i>	26 Julai
	<i>Chilean Foreign Policy: Principles and Challenges for a Global World</i>	24 Oktober
	<i>The Middle East Crisis</i>	9 November
	<i>The Current Situation in Palestine</i>	29 November
Perbincangan Meja Bulat	<i>Russia's Strategic Interests and Role in the Asia Pacific</i>	7 Jun
	<i>Egypt Today and its Future Challenges and Prospects</i>	28 Julai
Forum	<i>ASEAN Anniversary Forum: Unity in Diversity</i>	13 September
	<i>Peace and Security: Islamic Perspectives</i>	4 Oktober
Ceramah Jamuan Tengahari	<i>Current Regional Issues</i>	29 November



LAPORAN BAHAGIAN LATIHAN



LAPORAN BAHAGIAN LATIHAN

Diploma in Diplomacy 2/2010-2011

Program *Diploma in Diplomacy* (DiD) siri kedua telah diadakan dari 18 Oktober 2010 hingga 22 April 2011. Kursus selama enam bulan ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai pelbagai aspek hubungan diplomasi dan antarabangsa. Kandungan kursus termasuk isu-isu nasional, serantau dan antarabangsa seperti *International Security*, *Global Economy*, *Multilateral Trade and Diplomacy*, *ASEAN*, *Negotiation Skills* dan *Globalisation*. Para peserta kursus kali ini terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelajaran Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Lapan peserta antarabangsa dari Australia, Jerman, Timor Leste dan Amerika Syarikat juga turut menyertai sesi *Regional and International Module* DiD yang berlangsung selama dua minggu.

Setelah program tamat, IDFR telah menganugerahkan *Diploma in Diplomacy* kepada 24 peserta yang telah berjaya mengikuti program ini dalam satu Majlis Graduasi yang diadakan pada 22 April 2011. Para peserta antarabangsa turut dianugerahkan sijil penyertaan. Diploma dan sijil tersebut telah disampaikan oleh Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Luar Negeri. Seramai tiga peserta telah diberikan anugerah sewaktu Majlis Graduasi iaitu Cik Shahmila a/p Jayasagaran dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia yang menerima anugerah *Best Student*, Puan Ilham Nursyiqim Rosli dari Jabatan Perdana Menteri yang menerima anugerah *Best Speech Writing*, dan Encik Mohamed Ariff Mohamed Ali dari Kementerian Luar Negeri yang menerima anugerah *Overall Achievement*.

Program DiD juga menyediakan modul bahasa Inggeris yang direka khas bagi membantu melengkapkan para peserta dengan kemahiran-kemahiran berkomunikasi, penulisan, penyampaian dan pengucapan awam. Para peserta juga berpeluang untuk mempelajari salah satu bahasa utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sama ada bahasa Arab, Perancis atau Sepanyol. Dalam usaha meningkatkan daya keyakinan golongan diplomat muda, para peserta juga telah diberi pendedahan kepada beberapa kemahiran insaniah seperti etiket

sosial, penjagaan penampilan diri, etiket makan beradab dan kemahiran protokol.

Program DiD turut memberi peluang kepada para peserta untuk menimba pengalaman melalui sesi ceramah khas oleh tokoh-tokoh penting dan terkemuka Malaysia; termasuk sesi bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Mohd Radzi Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan Profesor Diraja Ungku Aziz.

Selain daripada sesi ceramah, beberapa lawatan sambil belajar dan aktiviti luar juga turut dijalankan sepanjang kursus ini, iaitu lawatan ke Sabah, Majlis Penasihat Ekonomi Negara, MATRADE, Parlimen, Balai Seni Visual Negara, Dewan Filharmonik Malaysia dan Ekspedisi ke Gunung Kinabalu. Acara kemuncak kursus ini merupakan program penempatan di Kedutaan Malaysia di Jakarta, Indonesia yang bertujuan mendedahkan para peserta kepada pelbagai fungsi dan tugas di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Peserta juga telah berpeluang memperoleh pengalaman yang amat bernilai apabila turut sama terlibat dalam Misi Ops Piramid bagi membantu membawa keluar rakyat Malaysia yang terkandas berikutan kekacauan politik di Mesir.

Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses (SPKM)

Kursus selama dua minggu ini telah dijalankan sebanyak empat kali dalam tahun 2011; iaitu dari 17 hingga 28 Januari, dari 4 hingga 15 April, dari 18 hingga 29 Julai dan dari 26 September hingga 7 Oktober. Kursus ini, yang dijalankan khas di bawah Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM), adalah wajib bagi para pegawai kerajaan yang akan bertugas di luar negeri buat pertama kali. Objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai aspek-aspek diplomasi dan isu-isu semasa hubungan antarabangsa.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan termasuk *Administration and Security Matters at Mission*, *Financial Management at Mission*, *Protocol and Consular Matters at Mission*, *Promoting Malaysia as an Educational Hub*, *Tourist Attraction and Halal Hub*, *Grooming and Social*



Etiquette, Fine Dining Etiquette, Royalty and Palace Protocol dan *Role of Spouses at Mission.*



Para peserta *Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses (SPKM) 1/2011*

Seramai 222 peserta telah menyertai kursus ini; iaitu 41 peserta bagi Siri 1/2011, 59 peserta bagi Siri 2/2011, 68 peserta bagi Siri 3/2011 dan 54 peserta bagi Siri 4/2011. Peserta kursus ini terdiri daripada para pegawai Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yayasan Pahang, Majlis Amanah Rakyat dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses

Kursus ini telah dijalankan sebanyak dua kali dalam tahun 2011; iaitu dari 25 hingga 31 Januari dan dari 25 hingga 29 Julai. Ia ditawarkan kepada para pegawai kanan Kementerian Luar Negeri yang telah dipilih sebagai Ketua Perwakilan Malaysia. Objektif kursus ini adalah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam pelbagai bidang berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Ketua Perwakilan.

Kursus ini banyak menumpu kepada diplomasi awam. Topik-topik yang dibincangkan termasuk *Media Skills, Leadership at Mission, Globalisation and its Impact on International Diplomacy* dan *Defending Malaysia's National Interests*. Sesi khas selama satu hari turut diadakan untuk pasangan para peserta. Antara topik yang telah disentuh dalam sesi tersebut adalah *Fine Dining Etiquette, The Role of Spouses at Mission* dan *Personal Grooming*.

Sejumlah 28 pegawai kanan Kementerian yang telah menerima watikah pelantikan sebagai Ketua Perwakilan Malaysia, serta pasangan mereka, menghadiri kursus ini iaitu 16 peserta bagi Siri 1/2011 dan 12 peserta bagi Siri 2/2011.

Workshop on Public Diplomacy and Media Skills

Workshop on Public Diplomacy and Media Skills ini telah diadakan sebanyak dua kali dalam tahun 2011; Siri 1/2011 dari 21 hingga 24 Februari dan Siri 2/2011 dari 21 hingga 24 November. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta mengenai kepentingan bidang diplomasi awam dalam mempromosikan kepentingan negara di peringkat antarabangsa, serta meningkatkan kemahiran mereka untuk berurusan dengan pihak media dalam konteks diplomasi awam. Siri yang pertama telah dihadiri oleh 35 peserta, manakala siri yang kedua pula dihadiri oleh 12 peserta. Peserta kursus ini terdiri daripada para pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah *An Overview of Public Diplomacy, The Role of the Media in Public Diplomacy, Cross-Cultural Understanding and its Implications on Public Diplomacy, The Role of NGOs in Public Diplomacy, Promoting Malaysia through Culture, Effective Media Relations, Handling Crisis Situations and Difficult Questions from the Media, TV and Radio Interviews, Press Conference* dan *Role Playing in a Mock Press Conference*.



Diplomatic Training Course for International Participants (PKTM)

Kursus ini telah diadakan sebanyak dua kali dalam tahun 2011; iaitu Siri 1/2011 dari 14 Mac hingga 1 April dan Siri 2/2011 dari 3 hingga 21 Oktober. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa serta kebolehan mereka untuk menjalankan tugas sebagai pegawai diplomatik. Para peserta juga telah diberi pendedahan kepada pengalaman Malaysia dalam pembangunan negara dan hubungan luar negeri. Topik-topik yang disentuh termasuklah *Cross-Cultural Communication, Media Skills, Introduction to International Theories, Bilateral and Multilateral Negotiations* dan *Presentation Skills*.

Kursus tiga minggu ini, yang dijalankan di bawah PKTM telah dihadiri oleh 33 peserta; 17 peserta bagi Siri 1 dan 16 peserta bagi Siri 2. Para peserta kursus ini adalah dari Bosnia Herzegovina, Brunei, Croatia, Lesotho, Malaysia, Myanmar, Oman, Pakistan, Thailand, Somalia dan Vietnam.

Workshop on International Negotiation for Senior Officers

Bengkel selama tiga hari ini telah diadakan dari 3 hingga 5 Mei 2011. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta tentang perundingan antarabangsa.

Profesor Paul Meerts dari Netherlands Institute of International Relations, Clingendael telah dijemput bagi mengendalikan bengkel ini yang merangkumi ceramah, perbincangan dan latihan simulasi. Sepanjang bengkel ini diadakan, para peserta telah didedahkan kepada pelbagai aspek perundingan antarabangsa termasuk teori, kemahiran, teknik dan strategi perundingan. Mereka juga telah berpeluang menilai kekuatan dan kelemahan mereka sebagai perunding melalui *role play* dan latihan simulasi.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 32 peserta; sepuluh dari Kementerian Luar Negeri, enam dari Kementerian Pertahanan, lima dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang dari Kementerian Pelancongan, tiga dari Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, seorang dari Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan dan enam dari IDFR.

Workshop on Introduction to Public International Law

Workshop on Introduction to Public International Law, yang telah diadakan dari 23 hingga 26 Mei 2011, adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para peserta mengenai segmen utama undang-undang awam antarabangsa yang relevan kepada amalan diplomatik, hubungan serta perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Bengkel selama empat hari ini telah dihadiri oleh 23 peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah *International Economic Law, International Environmental Law, International Human Rights Law, International Humanitarian Law, International Maritime Law, International Settlement of Disputes, The Law of Treaties and The Law of State Responsibility, The Vienna Convention on Consular Relations 1963* dan *The Vienna Convention on Diplomatic Relations 1961*.

International Relations Module for Participants of the Diploma in Public Management

IDFR dan INTAN telah bekerjasama untuk menganjurkan modul *International Relations* untuk para peserta Diploma Pengurusan Awam sebanyak dua kali dalam tahun 2011; Siri 2/2010 dari 23 Mei hingga 3 Jun dan Siri 1/2011 dari 8 hingga 12 November. Siri 2/2010 telah dihadiri oleh 160 peserta dan Siri 1/2011 telah dihadiri oleh 142 peserta.

Dengan matlamat untuk membentuk para pegawai yang berfikiran global, berpengetahuan dan berkemahiran diplomasi yang luas, IDFR telah mengatur ceramah akademik dengan penglibatan Kementerian Luar Negeri, fasilitator dari IDFR serta kementerian dan jabatan lain tentang pelbagai isu yang melibatkan hubungan antarabangsa dan diplomasi.

Antara yang menjadi fokus utama Siri 2/2010 adalah ceramah makan malam di mana Ketua Pengarah IDFR, Dato' Ku Jaafar Ku Shaari telah menyampaikan ceramah yang bertajuk *Experience of a Diplomat*. Objektif utama majlis tersebut adalah untuk menggalakkan perkongsian ilmu berkaitan isu diplomasi serantau dan antarabangsa. Dalam ceramah beliau, Dato' Ku Jaafar



Para peserta Siri 1/2011 sewaktu lawatan ke Singapura

Ku Shaari telah menerangkan definisi diplomasi dan peranan diplomat Malaysia, dan berkongsi pengalaman luas beliau sebagai duta dan pesuruhjaya tinggi di beberapa negara.

Para peserta juga berpeluang untuk mendengar ceramah bertajuk *Diplomats in the 21st Century* yang disampaikan oleh TYT Lyudmila G. Vorobyeva, Duta Besar Rusia ke Malaysia dan Encik Scott M. Rauland, Kaunselor Hal Ehwal Awam dari Kedutaan Amerika Syarikat. Di kedua-dua majlis tersebut, para peserta berpeluang untuk berbincang dan bertukar pandangan berkaitan isu antarabangsa yang mencabar dari perspektif diplomat asing yang bertugas di Malaysia di abad ke-21.

Para peserta Siri 1/2011 pula telah berpeluang untuk mengupas pelbagai pendekatan hubungan antarabangsa daripada para pengamal dan pakar dengan menghadiri, antara lain, sesi ceramah umum yang bertajuk *Middle East Crisis* yang telah disampaikan oleh TYT Dr. Mostafa Dolatyar, Ketua Pengarah Institut Politikal dan

Pengajian Antarabangsa, Republik Islam Iran. Mereka juga berpeluang mendengar ceramah oleh Encik Scott M. Rauland, sekali lagi bertajuk *Diplomats in the 21st Century*. Di penghujung modul, para peserta telah dibawa untuk lawatan sambil belajar ke Singapura di mana mereka telah melawat Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan Civil Service College of Singapore.

English Language Course-Training of Trainers for Officers from Lao People's Democratic Republic

IDFR telah berjaya menganjurkan *English Language Course-Training of Trainers* untuk para pegawai dari Republik Demokratik Rakyat Lao dari 27 Jun hingga 8 Julai 2011. Lima belas pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Jabatan Pendidikan, Universiti Kebangsaan, dan beberapa sekolah dan kolej di Laos telah menghadiri kursus tersebut.

Objektif utama kursus tersebut, yang dijalankan dengan kerjasama Bahagian Bahasa, adalah untuk membentuk kemampuan para peserta untuk merancang, mereka dan menilai sesebuah program latihan di samping



melengkапkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran tentang kaedah dan strategi latihan yang efektif. Kursus tersebut mengaplikasi pendekatan reflektif, terutama sekali dalam mengenalpasti gaya individu, kekuatan dan kelemahan mereka sebagai pelatih. Sesi latihan adalah sangat interaktif di mana para peserta diberi ruang untuk berkongsi pendapat dan pengetahuan dengan peserta lain dan juga penceramah. Beberapa aspek tentang prinsip pembelajaran dewasa turut dibincangkan memandangkan mereka perlu melatih orang lain sebagai pelatih sekembalinya ke Laos. Kursus ini adalah yang pertama seumpamanya di bawah PKTM dan diharapkan ia akan diteruskan sebagai program latihan tahunan IDFR.

Mid Career Course for Diplomats

Kursus ini telah diadakan dari 4 hingga 15 Julai 2011, dan telah dihadiri oleh 11 pegawai dari Kementerian Luar Negeri. Objektif utama kursus ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional para peserta serta mempelajari semula beberapa bidang dalam perkhidmatan diplomatik. Kursus ini juga bertujuan meningkatkan kepimpinan, komunikasi, pengurusan efektif dan kemahiran diplomatik para peserta.

Sepanjang kursus dijalankan, para peserta telah didedahkan kepada aktiviti-aktiviti interaktif yang menggalakkan pertukaran pandangan dalam kalangan peserta kursus dan juga penceramah. Antara topik yang dibincangkan adalah *International Environmental Crisis*, *Human Trafficking*, *ASEAN* dan *The European Union*. Para peserta juga terlibat dalam latihan simulasi sewaktu slot modul *Crisis Management* yang dikendalikan oleh MERCY Malaysia, yang memerlukan para peserta untuk menghadapi dan menguruskan keadaan bekerja dalam satu perwakilan asing ketika berlakunya bencana alam.

Orientation Course for Personal Assistants and Secretaries

IDFR telah melaksanakan dengan jayanya *Orientation Course for Personal Assistants and Secretaries* dari 19 hingga 30 September 2011. Ia merupakan kursus baru dalam kalender latihan IDFR dan IDFR merancang untuk menawarkan kursus ini setiap tahun.

Tiga belas peserta dari Kementerian Luar Negeri telah menyertai kursus dua minggu ini. IDFR telah menggariskan objektif kursus ini khusus untuk

memantapkan ilmu pengetahuan serta kemahiran profesional para peserta. Ia juga bertujuan memberi pendedahan tentang kepelbagaiannya aspek pengurusan pejabat, mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi secara lisan, bukan lisan dan bertulis, menerapkan kepentingan imej dan jati diri serta mempertingkatkan kemahiran interpersonal.



Praktikum makan beradab

Modul kursus dimuatkan dengan beberapa topik penting meliputi isu tentang *Malaysian Foreign Policy*, *Vienna Convention and Diplomatic Relations*, *Cross-Cultural Communications* dan *English for Diplomacy*. Topik yang bertujuan untuk meningkatkan pembangunan peribadi peserta seperti *Social Etiquette*, *Reception and Fine Dining*, *Grooming* dan *Glimpses of Malaysian Cultural Dances* turut diterapkan.

Commonwealth Regional Programme in Diplomatic Training 2011

Kursus ini telah dijalankan dari 10 hingga 23 Oktober 2011. Seramai 20 peserta dari negara-negara Komanwel seperti Bangladesh, Brunei, Malaysia, Maldives, Pakistan dan Sri Lanka telah menyertai program ini, yang dikendalikan di bawah tajaan Sekretariat Komanwel di London.

Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan para peserta kepada perkembangan terkini dalam bidang diplomasi dan hubungan luar, meningkatkan pengetahuan mereka dalam isu-isu kontemporari di peringkat serantau dan global, serta menyediakan forum untuk perkongsian pendapat dan pengalaman. Kursus ini turut



memfokus kepada peningkatan kemahiran diplomatik dan kepimpinan para peserta. Antara topik-topik yang telah dibincangkan adalah *Knowledge Management*, *Leadership and Organisational Management*, *Effective Cross-Cultural Communication*, *Crisis Management*, *Negotiation from Commonwealth Perspectives*, *Respect for Diversity*, *Public Diplomacy*, *Media Skills*, dan *Food Crisis and the Impact on Developing Countries*.

Beberapa lawatan sambil belajar juga telah dianjurkan sepanjang kursus ini, iaitu lawatan ke Kementerian Luar Negeri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Menara Berkembar Petronas, serta lawatan tiga hari ke Melaka Bandaraya Bersejarah.

Strategic Analysis for International Participants (PKTM)

Kursus ini, yang diadakan dari 17 Oktober hingga 4 November 2011, bertujuan untuk meningkatkan pemahaman para peserta tentang pemikiran strategik bagi isu keselamatan dan strategik antarabangsa masa kini. Ia berhasrat untuk mendedahkan mereka kepada persekitaran politik global, keselamatan dan strategik yang sentiasa berubah. Topik-topik yang dibincangkan termasuklah *Strategic Defence Issues in ASEAN*, *Traditional and Non-Traditional Security*, *Country Risk Analysis*, *Malaysia's Defence Policy and Strategy* dan *National and International Security*. Ia merupakan platform yang baik bagi para peserta bertukar pandangan dan pendapat.

Kursus ini, yang dijalankan di bawah PKTM telah dihadiri oleh 19 peserta dari Afghanistan, Albania, Burkina Faso, Croatia, Indonesia, Kemboja, Kyrgyz Republik, Laos, Malaysia, Oman, Thailand, Uzbekistan dan Vietnam.

Crisis Management for International Participants (PKTM)

Objektif kursus ini, yang telah diadakan dari 8 hingga 25 November 2011, ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta tentang pelbagai pendekatan dan teknik pengurusan krisis. Kursus selama tiga minggu ini telah dikendalikan di bawah PKTM dan seramai 21 peserta dari Cape Verde, Croatia, Filipina, Indonesia, Kemboja, Kyrgyzstan, Laos, Malaysia, Oman, Sudan, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam telah menghadiri kursus ini.

Modul kursus ini merangkumi aspek teori dan praktikal dalam pengurusan krisis antarabangsa seperti *Natural Disasters*, *Environmental Issues*, *Security Concerns* dan *Public Discontent and General Uprising*. Selain daripada kuliah, lawatan ke Akademi Polis Diraja Malaysia dan Menara Berkembar Petronas turut diadakan. Para peserta turut berpeluang menaiki *cruise* tasik Putrajaya dan melawat sekitar Kuala Lumpur. Mereka juga telah dibawa untuk lawatan kerja ke Langkawi pada satu hujung minggu dan telah melawat Lembaga Pembangunan Langkawi dan Agensi Pengangkuasaan Maritim Malaysia.

Workshop on Maritime Diplomacy

Bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya dari 5 hingga 8 Disember 2011. Seramai 19 peserta dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Jabatan Perdana Menteri dan Malaysian International Shipping Corporation Berhad (MISC) telah menghadiri bengkel ini.

Objektif bengkel ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran para peserta tentang pentingnya undang-undang maritim dilaksanakan dengan melibatkan diplomasi dan hubungan antarabangsa. Walaupun bengkel ini dilaksanakan selama empat hari sahaja, isi kandungannya adalah sangat mampar dan padat. Bengkel ini telah memberi peluang kepada para peserta untuk mempelajari perkara-perkara baru mengenai undang-undang yang berkaitan dan mengikuti perkembangan isu-isu dan cabaran semasa yang dihadapi dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman terutamanya dari sudut persempadanan maritim antarabangsa.

Ceramah di bengkel ini telah disampaikan oleh ahli akademik, penceramah jemputan dan pensyarah yang berpengalaman dan berkepakaran luas dalam bidang perundangan, konvensyen dan keselamatan maritim. Tajuk-tajuk yang dibincangkan merangkumi *UNCLOS and Current Issues of Maritime Law*, *Maritime Diplomacy*, *International Settlement of Disputes*, *International Court and Tribunal* dan *Media Response on Maritime Issues*. Para peserta juga telah didedahkan kepada pengalaman peribadi mengenai serangan lanun ke atas kapal dagang oleh seorang penceramah jemputan dari MISC. Mereka juga telah bertukar-tukar pandangan berdasarkan pengalaman peribadi mereka sendiri dalam menangani isu-isu maritim dan ia telah menjadikan bengkel ini lebih bermanfaat.



ASEAN-China Young Diplomats Training Course

Kursus ini telah berjaya dianjurkan dari 5 hingga 16 Disember 2011. Kursus latihan ASEAN-China yang pertama ini dianjurkan sebagai memperingati ulangtahun ke-20 hubungan dialog ASEAN-China dan telah dihadiri oleh 16 diplomat muda dari Brunei, Kemboja, China, Indonesia, Laos, Malaysia, Thailand dan Vietnam.

Persetujuan pelaksanaan kursus ini adalah hasil daripada deklarasi bersama terhadap Kerjasama Strategik ASEAN-China untuk Keamanan dan Keharmonian 2011-2015, diguna pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN-China ke-13 di Hanoi pada bulan Oktober 2010. Sehubungan dengan deklarasi itu, kursus ini memfokus kepada meningkatkan hubungan sesama insan terutama sekali dalam kalangan negara ASEAN dan China. Objektif lain adalah untuk ASEAN memupuk dan mengekalkan hubungan baik dan saling bermanfaat dengan pihak lain.

Para peserta juga berpeluang memperolehi pandangan berharga bagi memahami China dan Amerika Syarikat melalui dua sesi berasingan yang diadakan bersama TYT Chai Xi, Duta Republik Rakyat China ke Malaysia dan Encik Jeffrey D. Rathke, Kaunselor Hal Ehwal Politik dari Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Aspek lain kursus ini termasuklah lawatan sambil belajar para peserta ke Melaka Bandaraya Bersejarah.



Para peserta sewaktu lawatan ke Melaka

Sepanjang kursus ini, para peserta didedahkan kepada pelbagai isu dan topik yang disampaikan oleh pakar mengenai isu yang berkaitan diplomasi dan hubungan antarabangsa dari perspektif Malaysia. Antara topiknya adalah *Malaysia's Foreign Policy, ASEAN Regional Cooperation and Forum, Global Movement of the Moderates, International Negotiations, Security Issues and Challenges in South East Asia* dan *Maritime Diplomacy*.



LAPORAN BAHAGIAN BAHASA



LAPORAN BAHAGIAN BAHASA

BAHASA INGGERIS

Say It Right: A Course in Pronunciation 1/2011

Kursus ini direka bentuk bagi membolehkan para peserta bertutur dalam bahasa Inggeris dengan lebih yakin, dengan meningkatkan kesedaran mereka tentang bunyi bahasa Inggeris yang betul supaya dapat memperbaiki sebutan dan keupayaan mereka berkomunikasi agar lebih mudah difahami. Penekanan telah diberikan kepada masalah sebutan khusus dan umum yang biasa dilakukan penutur bahasa Inggeris di Malaysia serta penggunaan kamus untuk menyemak ketepatan bunyi sesuatu perkataan.

Kursus tiga hari ini, yang bermula pada 22 Februari dan berakhir pada 24 Februari 2011, telah dihadiri oleh 30 peserta yang terdiri daripada para pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelancongan, Kementerian Kerja Raya, Bahagian Teknologi Oleokimia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Regimen Askar Wataniah Seremban dan Jabatan Taman Laut, Malaysia.

Building Blocks of Good English 1/2011

Penguasaan kukuh dalam bahasa Inggeris diperlukan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam medium lisan dan tulisan. Bagi membolehkan para peserta kursus mencapai tahap kecekapan bahasa Inggeris yang baik, aktiviti penyelesaian masalah telah dirancang dan dijalankan terutamanya dalam kemahiran berbahasa, tatabahasa dan perbendaharaan kata. Antara topik yang dimuatkan adalah penggunaan yang betul bagi *Tenses, Nouns, Adjectives, Adverbs, Subject-Verb Agreement, Principles of Writing* dan *Error Analysis of Writing*.

Kursus ini, yang dijalankan dari 21 hingga 25 Mac 2011, telah dihadiri oleh 26 peserta yang datang dari Kementerian Luar Negeri dan kementerian serta agensi kerajaan



Para peserta kursus membuat pembentangan



yang lain iaitu Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perdagangan Pulau Pinang, Lembaga Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Perak, Polis Diraja Malaysia, Institut Sukan Negara, Lembaga Pemasaran Persekutuan, Lembaga Pembangunan Pertanian Kemubu dan Muzium Negara.

English for Communication

Kursus ini dijalankan untuk 14 pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahagian pertama kursus ini telah dijalankan dari 9 hingga 13 Mei 2011 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun teras utama kursus ini adalah komunikasi lisan, aspek tertentu seperti tatabahasa juga diterapkan. Fungsi bahasa seperti memberi pendapat, memberi persetujuan serta bahasa yang digunakan dalam mesyuarat turut diberi perhatian. Antara aktiviti yang dijalankan adalah berdialog dan persembahan berkumpulan. Pelbagai strategi pembelajaran, termasuk perbincangan kumpulan dan simulasi, telah digunakan untuk memastikan penyertaan yang maksimum dari para peserta.

Bahagian kedua kursus ini pula telah dijalankan dari 12 hingga 15 September 2011 untuk 12 pegawai. Penekanan telah diberikan kepada *Presentation Skills*. Objektif kursus ini adalah untuk membolehkan para peserta merangka, menulis dan mengedit skrip mereka serta melakukan persembahan lisan dengan yakin. Pendekatan bersepada kuliah, perbincangan, latihan praktikal dan persembahan individu atau berkumpulan turut digunakan.

Effective Speaking Skills 1/2011

Pengucapan awam ialah satu seni yang boleh dibina melalui latihan dan pengalaman. Selaras dengan itu, kursus ini digarap untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan bahasa bersesuaian serta kemahiran yang perlu untuk menyampaikan ucapan dengan berkesan dan penuh keyakinan. Mereka telah diberi tunjuk ajar dan latihan tentang perancangan dan penulisan teks yang berkesan, dan penggunaan frasa yang sesuai untuk menghasilkan kesan yang dimaksudkan.

Seramai 28 pegawai telah menghadiri kursus ini, yang diadakan dari 23 hingga 26 Mei 2011. Mereka terdiri

daripada para pegawai dari Kementerian Luar Negeri dan kementerian dan agensi kerajaan yang lain termasuk Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Perikanan Selangor dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Effective Writing Skills 1/2011

Menulis dengan yakin datang dari pemahaman struktur tatabahasa bahasa Inggeris yang baik. Tajuk-tajuk seperti *Sentence Skills*, *Creating Energy with Verbs* dan *Review of Tenses* telah dimasukkan ke dalam kandungan kursus ini. Para peserta juga telah didekah kepada pelbagai bentuk penulisan seperti surat menyurat, e-mel, laporan dan minit mesyuarat. Seramai 23 pegawai dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan telah menghadiri kursus yang diadakan dari 13 hingga 17 Jun 2011 ini. Mereka merupakan pegawai dari Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Hospital Raub, Muzium Negara, Polis Diraja Malaysia dan Biro Farmaseutikal Kebangsaan.

English Language Course: Training of Trainers for Officers from Lao People's Democratic Republic

Lima belas peserta dari Laos telah menghadiri kursus ini dari 27 Jun hingga 8 Julai 2011. Objektif utama kursus ini, yang dijalankan dengan kerjasama Bahagian Latihan, adalah untuk menambah pengetahuan dan pengalaman para peserta, membantu mereka mereka bentuk program latihan dan membolehkan mereka menjadi tenaga pengajar yang kompeten. Aspek-aspek latihan yang berbeza dimuatkan dalam kursus ini termasuklah modul *Curriculum Design*, *Professional Image Development*, *Management Skills*, *Learner Motivation* dan *Presentation Skills*. Selain itu, mereka juga mengikuti lawatan sambil belajar ke Melaka dan Putrajaya dan lawatan sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

Say it Right: A Course in Pronunciation 2/2011

Bertutur dengan berkesan dalam bahasa Inggeris melibatkan artikulasi bunyi yang jelas dan betul. Pengetahuan tentang *English Sound System* dan keupayaan untuk merujuk kepada kamus bagi menyemak ketepatan sebutan adalah penting untuk dipelajari.



Tekanan dalam perkataan, frasa dan ayat serta intonasi yang sesuai adalah ciri-ciri penting bahasa lisan. Oleh itu, objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan kesedaran para peserta tentang sebutan yang jelas dan ciri-ciri ucapan semula jadi bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih berkeyakinan. Pelbagai strategi, termasuk aktiviti simulasi, penyampaian dialog, dan perbincangan secara berpasangan dan berkumpulan, telah diterapkan bagi memastikan minat mereka berada pada tahap yang tinggi.

Kursus ini dijalankan dari 26 hingga 28 Julai 2011 dan dihadiri oleh 17 pegawai dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Arkib Negara dan IDFR.

Effective Speaking Skills 2/2011

Kursus kedua bagi *Effective Speaking Skills* telah dijalankan dari 26 hingga 29 September 2011, dan telah dihadiri oleh 25 peserta dari, antara lain, Kementerian Belia dan Sukan, Hospital Sultanah Aminah Johor, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Hidupan Liar Johor dan Jabatan Hidupan Liar Pahang. Para peserta telah diajar cara menyediakan serta membuat pembentangan lisan yang berkesan. Pengendalian soal jawab, penggunaan alat bantuan visual dan cara menangani kekhawatiran terhadap pengucapan awam turut dimuatkan dalam kursus ini.

Effective Writing Skills 2/2011

Kursus kedua bagi *Effective Writing Skills* telah dijalankan dari 17 hingga 21 Oktober 2011. Ianya telah dihadiri oleh 27 peserta dari Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Pelajaran, Jabatan Perdana Menteri, Biro Kawalan Farmaseutikal Kebangsaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Hospital Ampang, Jabatan Pergigian Seremban, Muzium Negara dan Hospital Raub.

Antara matlamat kursus ini ialah untuk membolehkan para peserta memahami proses penulisan dan struktur tatabahasa yang diperlukan untuk penulisan

yang berkesan. Mereka telah diberi peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi secara bertulis. Kandungan kursus memberi tumpuan kepada pembentukan ayat yang kukuh untuk komunikasi bertulis di tempat kerja, penyuntingan dan penyemakan pruf.

Building Blocks of Good English 2/2011



Sesi perbincangan

Kursus ini telah dijalankan dari 21 hingga 25 November 2011, bertujuan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran umum para peserta melalui latihan penjanaan kesedaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang juga meliputi tatabahasa dan sebutan. Dua puluh pegawai dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Jabatan Kesihatan Perlis, Jabatan Kesihatan Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Johor, Hospital Kajang, dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghadiri kursus ini.

MODUL BAHASA INGGERIS

Bahagian Latihan turut memuat masuk modul-modul bahasa Inggeris ke dalam kursus-kursus yang dirancang oleh bahagian tersebut untuk para peserta dari dalam dan luar negara. Pada tahun 2011, Bahagian Bahasa telah terlibat di dalam kursus-kursus berikut:



English for Diplomatic Purposes (Diploma in Diplomacy) 2/2010-2011

Modul bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

- ❖ *Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*
- ❖ *Writing Skills*
- ❖ *Journal Writing*
- ❖ *Speaking Skills*
- ❖ *Literary Appreciation*
- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Language in Context*

Sepanjang tempoh enam bulan, Bahagian Bahasa telah terlibat dalam melatih para diplomat muda untuk mengasah kemahiran berbahasa mereka, terutama dalam penulisan dan pertuturan. Untuk penulisan, para peserta dikehendaki menulis jurnal secara berkala mengenai topik-topik tertentu dan topik-topik pilihan mereka. Setiap jurnal mendapat perhatian dan maklumbalas khas daripada fasilitator yang terlibat. Modul *The Floor is Yours* merupakan satu lagi strategi yang digunakan untuk memberi peluang maksimum kepada para peserta untuk mengaplikasi kemahiran berkomunikasi secara lisan. Mereka telah ditunjukkan cara-cara untuk menulis dan menyampaikan ucapan yang berkesan dan juga mengambil bahagian dalam situasi interaktif.

Bagi modul *Language and Diplomacy*, para peserta telah didedahkan kepada penggunaan laras bahasa yang bersesuaian di peringkat diplomatik dan melalui modul *Literary Appreciation* pula, mereka didedahkan kepada pelbagai genre dan berpeluang menghayati bahasa pada tahap yang berbeza.

Pre-Posting Orientation Course for Officers and Spouses (SPKM)

Modul-modul tersebut adalah:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Public Speaking and Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*

Untuk modul *Public Speaking and Presentation Skills*, para peserta telah diberi peluang untuk merancang dan

menyediakan ucapan-ucapan mereka dan membuat persembahan individu semasa sesi *The Floor is Yours*.

Diplomatic Training Course for International Participants

Modul-modul tersebut adalah:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Public Speaking and Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*

Dalam sesi *The Floor is Yours*, setiap peserta dikehendaki menyampaikan ucapan selama lima minit di hadapan peserta lain.

Diploma in Public Administration

Modul tersebut adalah:

- ❖ *Language and Diplomacy*

Mid Career Course for Diplomats

Modul-modul adalah seperti berikut:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Public Speaking and Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*

Dalam komponen *Public Speaking and Presentation Skills*, para peserta telah diminta menyedia dan menyampaikan ucapan selama tujuh minit. Mereka juga diberi peluang untuk menilai dan mengulas prestasi peserta kursus lain.

Orientation Course for Personal Assistants and Secretaries

Modul yang diajar oleh Bahagian Bahasa adalah:

- ❖ *Written Communication Skills*
- ❖ *Verbal Communication Skills*
- ❖ *Presentation Skills*
- ❖ *The Floor is Yours*
- ❖ *Language and Diplomacy*

Para peserta bergilir-gilir menyampaikan teks ucapan mereka dalam sesi *The Floor is Yours*.



Young Diplomats Programme

Sepanjang satu minggu, seramai dua puluh ahli remaja Majlis Pemimpin Pelajar Johor telah diberi pendedahan dan peluang untuk mengenali dengan lebih dekat dunia diplomasi melalui kuliah dan lawatan sambil belajar melalui kursus *Young Diplomats Programme*. Bahagian Bahasa turut terlibat dalam mengendalikan dua komponen dalam kursus ini, iaitu:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Presentation Skills*

Komponen *Presentation Skills* dijalankan secara interaktif melalui sesi *What Makes an Interactive Presentation* diikuti dengan sesi *The Floor is Yours*, di mana setiap peserta dikehendaki membuat penyampaian secara lisan yang dinilai oleh peserta lain dan fasilitator mereka.

ASEAN-CHINA Young Diplomats Training Course

Komponen-komponen yang melibatkan Bahagian Bahasa adalah:

- ❖ *Language and Diplomacy*
- ❖ *Presentation Skills*

BAHASA ARAB

Kursus Intensif Bahasa Arab untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011

Kursus ini merupakan sambungan dari tahun 2010. Ia bertujuan untuk melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas bahasa Arab dan budayanya, bagi menampung keperluan perjalanan dan bekerja di negara berbahasa Arab. Kursus ini merupakan asas yang berguna bagi mereka yang ingin melanjutkan pembelajaran bahasa Arab dan mengenali budayanya.

Lapan peserta telah berjaya menamatkan kursus enam bulan ini, yang berjalan dari 18 Oktober 2010 hingga 22 April 2011. Mereka telah mengikuti segala aktiviti dan tugas yang diberikan.

Bahasa Arab Tahap V

Kursus ini telah dijalankan dari 17 Januari hingga 15 Jun 2011. Ia adalah kursus separuh masa yang dijalankan pada setiap hari Isnin dan Rabu, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Seramai 12 peserta dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Dewan Bahasa dan Pustaka dan IDFR telah menyertai kursus ini. Para peserta yang berjaya menamatkan kursus ini telah melanjutkan pelajaran ke tahap seterusnya.

Bahasa Arab Tahap IX

Kursus ini telah dijalankan dari 18 Januari hingga 13 Disember 2011. Ia merupakan kursus separuh masa yang dijalankan pada setiap hari Selasa, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam, dan penekanan diberikan kepada kefahaman membaca dan bertutur.

Sebelas peserta yang menghadiri kursus ini terdiri daripada para pegawai dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Para peserta yang berjaya menamatkan kursus ini berpeluang mempelajari bahasa Arab di tahap seterusnya.

Bahasa Arab Tahap VI

Kursus ini telah dijalankan dari 20 Januari hingga 15 Disember 2011. Ia adalah kursus separuh masa yang dijalankan pada setiap hari Khamis, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Para pegawai dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Kedutaan Korea dan Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Menentang Ancaman Siber (IMPACT) telah menyertai kursus ini. Seramai sebelas peserta telah berjaya menamatkan kursus ini dan akan terus mempelajari bahasa Arab di tahap seterusnya bagi meningkatkan kemahiran serta keyakinan menggunakan bahasa tersebut.

Bahasa Arab Tahap XII

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar mahir yang telah menghadiri kursus bahasa Arab dari awal atau mereka yang berkemahiran dalam bahasa Arab dan ingin meneruskan pembelajaran mereka.

Kursus ini telah berjalan dari 21 Januari hingga 16 Disember 2011. Empat peserta yang mengikuti kursus



ini terdiri daripada para pegawai dari Polis Diraja Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kelas ini dijalankan setiap hari Jumaat, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam. Mereka harus dipuji atas minat yang telah ditunjukkan dalam mempelajari bahasa Arab. Peserta yang berjaya menamatkan kursus ini berpeluang mempelajari bahasa Arab di tahap seterusnya pada tahun 2012.

Bahasa Arab Tahap I

Sambutan bagi kursus ini sangat menggalakkan tetapi hanya 30 peserta telah terpilih. Kursus ini telah dijalankan dari 27 Jun hingga 21 Disember 2011, pada setiap hari Isnin dan Rabu, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam.

Pesertanya terdiri daripada para pegawai Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Angkatan Tentera Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pendaftaran Negara Selangor, Majlis Tindakan Pelancongan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia dan IDFR.

BAHASA PERANCIS

Kursus Intensif Bahasa Perancis untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011

Kursus intensif ini merupakan sambungan dari tahun 2010. Ia bertujuan melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas bahasa dan budaya Perancis, dan menyediakan mereka untuk menghadapi keperluan perjalanan dan bekerja dalam persekitaran berbahasa Perancis. Kursus ini juga memberi mereka asas yang berguna untuk mempertingkat kefasihan dalam bahasa Perancis.

Pada bulan April 2011, seramai lapan peserta telah berjaya menamatkan kursus intensif ini, yang bermula pada bulan Oktober 2010 dan merangkumi 140 jam. Kumpulan yang dinamik ini mulakan kursus dengan penuh semangat dalam suasana yang sangat menyenangkan dan berjaya memperoleh ciri-ciri utama bahasa dan budaya Perancis. Semua peserta telah menunjukkan minat yang mendalam sepanjang program.

Bahasa Perancis Tahap IV

Seramai lapan peserta dari Kementerian Pelajaran,

Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Perdana Menteri, Institut Penyelidikan Getah dan SMK Putrajaya telah mengikuti kursus ini. Disebabkan kekangan masa dan logistik, kursus yang dijadualkan dua kali seminggu, hanya dapat dijalankan sekali seminggu.

Bahasa Perancis Tahap VII

Tujuh peserta dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia telah mendaftar untuk kursus ini yang dijalankan sekali seminggu. Kursus ini akan berakhir pada bulan Mei 2012, lewat sedikit daripada yang dijangkakan kerana kekangan jadual.

Bahasa Perancis Tahap I



Sebahagian daripada peserta kursus Bahasa Perancis Tahap 1B

Memandangkan sambutan yang diterima amat menggalakkan, para peserta telah dibahagikan kepada Kumpulan IA dan Kumpulan IB dengan setiap kumpulan mempunyai 28 peserta. Para peserta datang dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Pelancongan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelajaran, Jabatan Pendidikan Selangor dan Muzium Negara.

Kepelbagai latar belakang para peserta mewujudkan persekitaran yang menarik dan menjadikan kedua-dua kumpulan ini sangat dinamik. Kedua-dua kumpulan dijangka akan digabungkan dalam satu kelas untuk tahap berikutnya tahun 2012. Mereka juga berharap untuk menganjurkan lawatan ke Perancis.



Kursus Pengenalan Bahasa Perancis untuk Pasangan Duta Besar Malaysia ke Maghribi

Kursus pengenalan bahasa Perancis jangka pendek telah diatur untuk isteri Duta Besar Malaysia ke Maghribi, bagi membolehkan beliau mempelajari bahasa Perancis untuk menikmati keindahan budaya di sana.

Aktiviti Lain

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kesemua para peserta telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pelbagai acara untuk mengenali budaya Perancis. Ini termasuklah menghadiri pameran, pesta buku, konsert percuma dan festival muzik, menonton filem dan mencuba makanan Perancis di *Alliance Française* dan beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur.

Para peserta turut berpeluang untuk menyertai pelbagai pertandingan yang dibuka kepada pelajar bahasa Perancis seperti pertandingan foto yang dianjurkan oleh negara-negara yang bertutur bahasa Perancis sempena Minggu Bahasa Perancis.

BAHASA MELAYU

Kursus Perbualan Bahasa Melayu

IDFR pernah menawarkan kursus ini pada tahun 2007 dan sambutan yang diterima amatlah menggalakkan. Ia adalah sebahagian daripada program IDFR yang diadakan khas untuk para diplomat asing di Kuala Lumpur. Pada tahun 2011, permohonan untuk mengikuti kursus ini amat menggalakkan dan Bahagian Bahasa terpaksa menyenarai pendek peserta kursus kepada 30 orang sahaja. Kursus 40 jam ini telah dijalankan dari 20 September hingga 24 November 2011.

Tujuan kursus ini dijalankan ialah untuk mendedahkan para peserta kepada penggunaan asas Bahasa Melayu dalam perbualan, di samping membantu mereka mendalami budaya Melayu di Malaysia.

BAHASA MANDARIN

Bahasa Mandarin Tahap I

IDFR telah menawarkan kursus ini buat pertama kali pada bulan September 2011. Sambutan daripada para pegawai di kementerian dan agensi kerajaan bagi kursus ini adalah di luar jangkaan. Seramai 180 pemohon telah terpilih untuk mengikuti kursus ini dan

enam kumpulan telah dibentuk dengan setiap satunya mempunyai 30 peserta. Dua kelas dijalankan secara serentak pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu, dari pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam. Kursus ini telah bermula pada 19 September 2011 dan dijangka berakhir pada bulan Februari 2012.



Salah seorang peserta membuat pembentangan

Kursus ini dijalankan untuk memberi para peserta pendedahan asas serta memupuk kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bertulis. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama Institut Kong Zi untuk Pengajaran Bahasa China di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

BAHASA SEPANYOL

Kursus Intensif Bahasa Sepanyol untuk Diploma in Diplomacy (DiD) 2/2010-2011

Kursus intensif ini merupakan sambungan dari tahun 2010. Ia bertujuan melengkapkan para pegawai dengan pengetahuan asas bahasa dan budaya Sepanyol, dan mempersiapkan mereka untuk berhadapan dengan perjalanan dan cara kerja dalam persekitaran masyarakat Sepanyol. Ia juga memberikan para peserta asas yang berguna untuk meningkatkan kefasihan mereka dalam bahasa Sepanyol.

Pada bulan April 2011, lapan peserta telah berjaya menamatkan kursus ini yang bermula pada bulan Oktober 2010. Kursus ini dijalankan selama 140 jam dalam jangka masa enam bulan.



Bahasa Sepanyol Tahap IV

Kursus yang telah dijalankan dari bulan April hingga Oktober 2011 ini bertujuan memberi pengetahuan kepada para peserta cara-cara menjalankan tugas tertentu seperti membuat panggilan telefon, menggunakan mesin teler automatik bahasa Sepanyol dan berbincang tentang rutin harian di tempat kerja.

Peserta kursus datang dari pelbagai organisasi termasuk Kementerian Pengajian Tinggi, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Bahasa Sepanyol Tahap I

Kursus ini telah dijalankan dari bulan April hingga Oktober 2011 bagi melatih para peserta untuk membaca dan menulis dalam bahasa Sepanyol. Kursus ini juga bertujuan untuk menyediakan peluang kepada para peserta untuk berkomunikasi dalam bahasa Sepanyol asas bagi membolehkan mereka berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut di negara yang bertutur bahasa Sepanyol. Mereka turut didedahkan kepada lagu dan budaya Amerika Latin dan Sepanyol.

Kursus ini telah dihadiri oleh para peserta dari Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kedutaan Argentina dan Kedutaan Ecuador.

Bahasa Sepanyol Tahap II

Kursus ini telah bermula pada bulan November 2011 dan akan berakhir pada bulan Mei 2012, dan dijalankan setiap hari Rabu dan Jumaat. Ia bertujuan untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan asas untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Sepanyol dalam kegiatan sehari-hari.

Kursus Pengenalan Bahasa Sepanyol untuk Duta Besar Malaysia ke Cuba, Venezuela dan Chile

Kursus bahasa Sepanyol jangka pendek telah diatur untuk tiga Duta Besar Malaysia dan pasangan masing-masing, untuk membolehkan mereka mempelajari serta mengenali dengan lebih dekat bahasa serta budaya negara di mana mereka akan ditempatkan. Kursus ini telah dijalankan di Kementerian Luar Negeri.



LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN SERANTAU DAN SEKURITI



LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN SERANTAU DAN SEKURITI

Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti terlibat dalam penganjuran persidangan, seminar, bengkel, perbincangan meja bulat dan ceramah umum berkaitan isu-isu global dan serantau. Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti anjuran bahagian ini pada tahun 2011:

Ceramah Umum bertajuk *From Peacekeeping to Peacemaking-A Story of Transformation in the Former Yugoslavia*

Satu ceramah umum yang bertajuk *From Peacekeeping to Peacemaking-A Story of Transformation in the Former Yugoslavia* oleh TYT Dr. Mario Nobile, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Politik, Kementerian Luar Negeri dan Penyatuan Eropah, Croatia, telah diadakan di IDFR pada 9 Mei 2011.

Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, dalam ucapan alu-aluannya, telah menyatakan bahawa perkembangan terkini di negara-negara bekas Yugoslavia, yang mana pada awal 1990-an telah menarik perhatian antarabangsa kerana melalui satu tahap tragedi kemanusiaan dan keganasan etnik yang belum pernah disaksikan sebelum itu, sesuatu yang bernilai untuk dipelajari oleh para diplomat dan individu yang terlibat dalam proses damai dari seluruh dunia.

Dalam pembentangan beliau, Dr. Nobile memberikan gambaran sejarah di sebalik konflik yang membawa kepada perpecahan Yugoslavia dan usaha damai yang telah dilakukan semenjak itu. Beliau juga menerangkan tentang pelbagai langkah yang telah diambil dari aspek pencegahan, pembinaan keyakinan dan pemulihian pasca-konflik, yang menyumbang ke arah keamanan di rantau itu.

Menyentuh tentang pengajaran yang diperolehi dari konflik tersebut, Dr. Nobile telah menekankan tentang pentingnya instrumen pengamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang efektif, kesanggupan komuniti antarabangsa untuk campur tangan dengan segera dalam sesuatu konflik supaya keadaan tersebut tidak menjadi semakin buruk, dan tentang perlunya untuk mengambil pendekatan yang komprehensif untuk mewujudkan keamanan dan kedamaian dan

bukan sekadar hanya membelanjakan wang untuk mewujudkan pasukan tentera pengamanan bagi tujuan pemantauan.

Seramai 120 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri ceramah tersebut.

Perbincangan Meja Bulat bertajuk *Russia's Strategic Interest and Role in the Asia Pacific*

Satu perbincangan meja bulat yang bertajuk *Russia's Strategic Interest and Role in the Asia Pacific* telah diadakan di IDFR pada 7 Jun 2011. TYT Lyudmila G. Vorobyeva, Duta Besar Rusia ke Malaysia, telah menyampaikan ceramah manakala Dato' Ku Jaafar Ku Shaari telah mempengerusikan sesi perbincangan tersebut.

Dalam ucapan beliau, TYT Lyudmila G. Vorobyeva mengupas sejarah hubungan rapat antara Rusia dengan negara-negara di Asia Pasifik. Beliau turut menekankan tentang betapa pentingnya rantau Asia Pasifik kepada Rusia. Menurut beliau, ia dapat dilihat melalui penglibatan Rusia dalam pelbagai institusi serantau termasuk kesanggupannya menjadi tuan rumah kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik pada tahun 2012. Antara institusi serantau di mana Rusia melibatkan diri adalah ASEAN, Forum Serantau ASEAN, Dialog dan Mesyuarat Menteri



TYT Lyudmila G. Vorobyeva sewaktu sesi perbincangan



Pertahanan ASEAN, Sidang Kemuncak Asia Timur dan Dialog Kerjasama Asia. Beliau turut menegaskan tentang keterbukaan dan ketelusan Rusia apabila berhadapan dengan negara-negara serantau tentang persamaan agenda yang dikongsi mereka dalam mempromosikan keselamatan, pembangunan ekonomi dan keamanan serta kestabilan serantau.

TYT Lyudmila G. Vorobyeva telah diiringi oleh Encik Roman E. Ambarov, Menteri Penasihat Kedutaan Rusia dan Encik Ilia A. Shirmanov, Pegawai Kanan, Pejabat Penasihat Perdagangan Rusia. Encik Ilia A. Shirmanov turut membuat pembentangan ringkas mengenai perdagangan antara Rusia dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Perbincangan meja bulat tersebut telah dihadiri oleh lebih 70 tetamu dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.

Ceramah Umum bertajuk *Promoting Science Diplomacy through Scientific Collaboration*

Satu ceramah umum yang bertajuk *Promoting Science Diplomacy through Scientific Collaboration* oleh Dr. Rita Colwell, Perutusan Khas Sains Amerika Syarikat telah diadakan di IDFR pada 26 Julai 2011. Ia telah dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia di bawah *Eminent Persons Lecture Series* dengan kerjasama IDFR. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains bagi Perdana Menteri Malaysia.

Dalam ceramah beliau, Dr. Colwell telah mengenal pasti empat tema untuk hubungan diplomasi sains, iaitu, dasar sains dan keputusan dasar sains; pembinaan hubungan; inovasi dalam pertumbuhan ekonomi, dan penyelesaian cabaran dan masalah global. Beliau yang menjalankan penyelidikan tentang penyakit berjangkit global, air dan kesihatan, menegaskan tentang pentingnya untuk membina persahabatan yang sejati dan berkekalan dalam kalangan saintis dari negara berlainan serta perlunya satu pendekatan bersepadau pelbagai disiplin bagi menghadapi masalah kompleks perubahan iklim dan makanan.

Dr. Colwell juga berpendapat bahawa Malaysia merupakan antara negara penyelidik teratas di dunia. Antara kemajuan yang dicapai adalah Memorandum Persefahaman

untuk Kerjasama dalam Sains dan Teknologi yang telah ditandatangani antara Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Rodham Clinton dan Menteri Luar Negeri, Malaysia pada bulan November 2010.

Dr. Colwell memaklumkan beliau kini sedang mengusahakan satu rangkaian antarabangsa bagi menangani penyakit berjangkit dan isu-isu air yang baru, termasuklah air minuman selamat untuk negara-negara maju dan yang sedang membangun. Para peserta ceramah turut dimaklumkan bahawa *Colwell Massif*, satu kawasan geologi di Antartika, telah dinamakan sedemikian bagi mengiktiraf kerja-kerja beliau di rantau kutub.

Seramai 150 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan telah menghadiri ceramah umum tersebut.

Perbincangan Meja Bulat bertajuk *Egypt Today and its Future Challenges and Prospects*

Satu perbincangan meja bulat yang bertajuk *Egypt Today and its Future Challenges and Prospects* telah dianjurkan bersama oleh IDFR, Alumni Bank Pembangunan Islam (IDB) Malaysia dan Alumni University of South California (USC) Malaysia bertempat di IDFR pada 28 Julai 2011. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Ali A. Soliman, seorang cendekiawan dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar bagi Bank Pembangunan Islam untuk Pembangunan Sektor Swasta di IDB, manakala Datuk Dr. Ghazali Md. Noor, Pengerusi Protet Alumni IDB Malaysia dan Presiden bagi Alumni USC Malaysia telah mempengerusikan perbincangan tersebut. Dato' Ku Jaafar Ku Shaari telah menyampaikan ucapan alu-aluan di awal perbincangan meja bulat tersebut.

Penceramah kehormat tersebut telah menjelaskan bahawa antara faktor pemberontakan rakyat di Mesir yang menyaksikan kejatuhan rejim terdahulu termasuklah kemiskinan yang meluas, pengangguran yang tinggi, pentadbiran yang tidak efisien dan gejala rasuah dalam sektor kerajaan, dan desakan rakyat yang mahukan kebebasan dan kehidupan yang lebih baik. Beliau berpendapat Mesir memerlukan sekurang-kurangnya satu setengah tahun untuk pulih dari pergolakan politik yang dilaluinya sebelum mencapai kestabilan politik dan ekonomi.



Dr. Ali A. Soliman turut menyatakan pandangan bahawa bantuan ekonomi, termasuk pelaburan dalam sektor-sektor yang boleh menjana pekerjaan, dapat menyumbang ke arah proses pemulihan Mesir. Beliau amat berharap agar negara-negara Arab dan negara-negara maju akan membantu Mesir menangani masalah ini. Bidang yang dikenalpasti berpotensi untuk hubungan kerjasama antara Mesir dan Malaysia termasuklah pendidikan, industri minyak, industri makanan, industri kereta dan pelancongan. Menurut beliau, Malaysia boleh menggunakan Mesir sebagai laluan eksport barang ke Eropah dan Afrika.


Seramai 65 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri perbincangan meja bulat tersebut.

Forum Ulangtahun ASEAN bertajuk *Unity in Diversity*

Satu forum bertajuk *Unity in Diversity* telah dianjurkan bersama oleh IDFR, Institut Pengajian ASEAN dan Ehwal Global (INSPAG), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Malaysia di IDFR pada 13 September 2011. Majlis tersebut, yang dianjurkan

sempena sambutan ulangtahun ASEAN yang ke-44, adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap ASEAN di samping menyediakan forum untuk bertukar pendapat dan pandangan mengenai cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan serantau tersebut dalam membentuk satu komuniti yang lebih bersatu dan berorientasikan masyarakat. Forum berkenaan telah dirasmikan oleh Datuk Richard Riot Anak Jaem, Timbalan Menteri Luar Negeri, Malaysia.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dato' Ku Jaafar Ku Shaari menekankan bahawa IDFR telah memainkan peranan yang signifikan dalam mengembangkan kefahaman dan hubungan yang lebih baik dalam kalangan para diplomat ASEAN melalui kursus-kursus latihan antarabangsa yang melibatkan para peserta dari negara-negara tersebut. Beliau juga telah menerangkan usaha yang diambil oleh IDFR dalam membentuk jalinan kerjasama yang lebih erat dengan universiti-universiti tempatan dalam bidang latihan dan penyelidikan diplomatik. Beliau amat berharap agar IDFR akan menjadi pusat tumpuan utama untuk membincangkan isu-isu hubungan antarabangsa negara ini pada suatu hari nanti.



Perbincangan panel



Dalam ucapan beliau yang bertajuk *Unity in Diversity*, yang juga merupakan tema untuk ASEAN bagi tahun 2011, Datuk Richard Riot Anak Jaem menyatakan bahawa penganjuran Siri Ceramah ASEAN tersebut merupakan antara usaha Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat terhadap peranan ASEAN di peringkat nasional. Menurut beliau juga, topik-topik yang dipilih untuk perbincangan panel sangat relevan dan bersesuaian, memandangkan respons ASEAN terhadap cabaran serantau dan global akan menjadi faktor utama yang menentukan kemajuan ASEAN ke arah sebuah entiti serantau yang lebih membangun, progresif dan bersatu menjelang 2015 dan selanjutnya.

Perbincangan panel yang bertajuk *The Changing Regional and Global Scenario: Challenges and Prospects for ASEAN* telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof Ahmad, Pengarah INSPAG. Ahli panel yang terlibat adalah Tan Sri Razali Ismail, Pengurus IRIS Corporation Berhad dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York dan Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke Myanmar; Profesor Madya Ishtiaq Hossain dari Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; dan Dr. Victor V. Sumsky, Pengarah Pusat ASEAN, Moscow Institute of International Relations (University), Kementerian Luar Negeri, Rusia.

Dalam ucapan penggulungannya, Dato' Dr. Mohd. Yusof telah menyatakan perbezaan persepsi dalam kalangan tetamu yang hadir mengenai pencapaian ASEAN sebagai sebuah organisasi serantau serta cabarannya di masa hadapan. Walau bagaimanapun, beliau merasakan kepelbagaiannya pendapat yang dinyatakan akan membolehkan para tetamu untuk membuat kesimpulan masing-masing. Beliau menyimpulkan bahawa jawapan mereka bergantung kepada pendirian masing-masing, sama ada optimis atau pesimis dan skeptis terhadap ASEAN. Meskipun wujud pandangan yang skeptis, lebih ramai yang optimis mengenai prospek ASEAN untuk membentuk perpaduan yang lebih erat dan menguruskan cabaran-cabarannya yang akan dihadapinya di masa hadapan.

Prof. Dr. Hazman Shah Abdullah, Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pembangunan Ilmu, UiTM yang telah menyampaikan ucapan penutup bagi pihak

Naib Canselor UiTM, berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan acara tersebut dengan jayanya. Beliau juga memaklumkan bahawa pelbagai aktiviti sedang dijalankan oleh UiTM di bawah bidang akademik, persidangan dan jaringan institusi dalam mendukung usaha mencapai objektif membentuk Komuniti ASEAN menjelang 2015.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh 200 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur.

Forum bertajuk *Peace and Security: Islamic Perspectives*

Sebuah forum bertajuk *Peace and Security: Islamic Perspectives* telah dianjurkan bersama oleh IDFR dan Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam (IAIS) bertempat di IDFR pada 4 Oktober 2011. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia dan penaung IAIS, telah menyampaikan ucaprama di forum berkenaan. Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, dalam ucapan alu-aluannya, berharap agar forum berkenaan mampu memberi peluang untuk mengkaji dan menilai semula maksud keamanan dan keselamatan dari perspektif Islam bagi membangunkan idea, amalan dan norma-norma Islam yang sesuai diaplikasikan agar dapat memberi manfaat kepada *ummah* dan manusia sejagat. Sehubungan itu, beliau juga telah menjelaskan bahawa banyak amalan dan norma diplomatik telah lama dalam ketamadunan Islam iaitu sejak dari zaman Rasulullah lagi.

Dalam ucaprama yang bertajuk *Peace and Security: The Islamic Perspective*, Tun Abdullah telah menegaskan bahawa negara-negara Islam perlu mencapai tahap kemajuan saintifik dan ekonomi sosial yang lebih pesat bagi mengukuhkan negara serta memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada rakyatnya. Dalam hal ini, beliau agak kesal Pertubuhan Persidangan Islam gagal untuk memainkan peranan yang sepatutnya dalam menangani masalah yang dihadapi oleh umat Islam disebabkan kelemahan dalam pentadbiran serta kekurangan lain di dalam organisasi tersebut.

Forum tersebut, yang terbahagi kepada dua sidang perbincangan panel, telah berjaya mengumpulkan ilmuwan Islam, pemikir dan penceramah terkenal



dari seluruh Malaysia. Perbincangan Panel I yang bertajuk *Peacemaking: An Islamic Imperative*, telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Mohd. Aslam Mohd. Haneef dari Kuliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ahli-ahli panel terdiri daripada Prof. Dr. Mohammad Hashim Kamali, Pengerusi Pengasas IAIS yang membentangkan kertas kerja bertajuk *Peace as a Universal Islamic Value*; Prof. Dr. Karim D. Crow, Felo Penyelidik Utama IAIS yang membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Roots of 'Security' and 'Peace' in Islam*; dan Prof. Dr. Muddathir Abdel Rahim, Profesor Sains Politik dan Pengajian Islam dari Institute of Islamic Thought and Civilization, yang membentangkan kertas kerja bertajuk *Islamic Diplomacy: The Prophet's Peaceful Strategy*.

Panel Perbincangan II, yang bertajuk *Muslim Practice of Peace: National, Regional and Global Perspectives*, telah dipengerusikan oleh Dato' Ku Jaafar Ku Shaari. Ahli-ahli panel pula terdiri daripada Prof. Emeritus Dato' Osman Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif IAIS yang telah membentangkan kertas kerja beliau bertajuk *Challenges of Peace Building for Muslim Nations*; Prof. Dato' Muhammad Abu Bakar dari Jabatan Hubungan Antarabangsa dan Pengajian Strategi, Universiti Malaya yang membentangkan kertas kerja bertajuk *OIC Crisis Management: Past Records and Future Prospects*; dan Encik Zakri Jaafar, Setiausaha Bahagian OIC dari Kementerian Luar Negeri yang telah membentangkan kertas kerja ketiga bertajuk *Malaysia and OIC*.

Ucapan penutup telah disampaikan oleh Prof. Dr. Mohammad Hashim Kamali. Beliau mengingatkan umat Islam tentang perlunya untuk bersama-sama dalam usaha membantu sesama umat Islam dan menasihati agar tidak menggunakan kekerasan dan kebencian sebagai penyelesaian masalah kerana ia adalah dilarang oleh agama. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua ahli panel atas kesungguhan dan komitmen yang telah dilaburkan dalam menjelaskan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam serta kesudian mereka untuk berkongsi buah fikiran bagi penyelesaian kepada permasalahan tersebut.

Forum tersebut telah dihadiri oleh 220 tetamu daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta dan badan bukan kerajaan.

Ceramah Umum bertajuk *Current Issues in Syria and Developments in the Region*



Dato' Ku Jaafar Ku Shaari berkongsi pandangan bersama TYT Dr. Bouthaina Shaaban

Satu ceramah umum yang bertajuk *Current Issues in Syria and Developments in the Region* oleh TYT Dr. Bouthaina Shaaban, Penasihat Politik dan Media merangkap Utusan Khas kepada Presiden Bashar al-Assad, Republik Arab Syria, telah diadakan di IDFR pada 11 Oktober 2011. Beliau berada di Malaysia dalam rangka lawatan kerja ke negara-negara rantau ini bagi menjelaskan pandangan kerajaan Syria tentang keadaan politik semasa di negara tersebut.

Dr. Bouthaina Shaaban menjelaskan bahawa pergolakan politik di Syria adalah berpunca daripada kumpulan bersenjata yang menentang kerajaan dan bukannya pihak tentera Syria, yang menurut beliau, cuba menjaga keamanan dan melindungi rakyat dari keganasan. Beliau menegaskan bahawa rakyat Syria yang terdiri daripada latarbelakang agama dan etnik yang berbeza telah lama hidup dengan aman dan harmoni. Namun, keadaan tersebut telah berubah setelah berlakunya pergolakan politik yang didokong oleh kuasa-kuasa Barat yang mencetuskan ketegangan agama dan etnik yang belum pernah disaksikan sebelum ini.

Mengenai sokongan antarabangsa untuk kerajaan Syria, beliau telah menarik perhatian para hadirin tentang resolusi yang diambil oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Syria mengenai tuduhan pencabulan hak asasi manusia.



Resolusi berkenaan telah mendapat sokongan kuasa Barat tetapi China dan Rusia telah menggunakan kuasa veto mereka untuk membantah resolusi berkenaan.

Selain itu, Dr. Bothaina juga menerangkan mengenai pelbagai usaha yang diambil oleh kerajaan Syria dalam memenuhi hasrat rakyat yang inginkan perubahan dan pembaharuan demokrasi. Antara perubahan yang dirancang adalah penggubalan semula perlembagaan negara dan pilihanraya yang melibatkan pelbagai parti.

Seramai 170 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan telah menghadiri ceramah umum tersebut.

Ceramah Umum bertajuk *Chilean Foreign Policy: Principles and Challenges for a Global World*

Satu ceramah umum bertajuk *Chilean Foreign Policy: Principles and Challenges for a Global World* yang disampaikan oleh TYT Ambasador Fernando Schmidt, Timbalan Menteri Luar Negeri Chile, telah diadakan di IDFR pada 24 Oktober 2011.

Dalam ceramahnya, Timbalan Menteri Luar Negeri tersebut menerangkan bahawa dasar luar negaranya adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut: yang mewakili negara yang terdiri daripada pihak kerajaan, pihak pembangkang dan entiti lain seperti parti politik, badan bukan kerajaan, universiti dan syarikat swasta; yang berpegang kepada undang-undang antarabangsa dan prinsip serta pematuhan terhadap perjanjian yang telah dipersetujui; yang memberi keutamaan kepada martabat manusia dan demokrasi; yang mendukung dan menyumbang ke arah pembangunan negara; dan yang sentiasa selangkah ke hadapan, fleksibel dan dilaksanakan secara profesional.

Menyentuh mengenai hubungan dagangan Chile, beliau menerangkan bahawa 80 peratus dagangan negaranya adalah dengan tiga rantau, khususnya Asia sebanyak 48 peratus, Eropah 20 peratus dan NAFTA 15 peratus. Oleh itu, Chile memberikan penekanan istimewa pada hubungannya dengan ketiga-tiga rantau tersebut.

Ambasador Schmidt juga membicarakan tentang *Trans-Pacific Partnership* yang telah ditandatangani antara New Zealand, Brunei, Singapura dan Chile. Malaysia



TYT Ambasador Fernando Schmidt bersama Dato' Ku Jaafar Ku Shaari

bersama-sama dengan Amerika Syarikat, Australia, Vietnam dan Peru turut berunding untuk menyertai kerjasama tersebut yang bertujuan mewujudkan satu zon dagangan bebas di Asia Pasifik.

Beliau seterusnya menekankan tentang peningkatan hubungan ekonomi dan politik yang rapat dan stabil antara Malaysia dan Chile yang bermula dengan wujudnya hubungan diplomatik pada tahun 1979 dan pembukaan kedutaannya di Kuala Lumpur sepuluh tahun kemudian. Perjanjian Perdagangan Bebas dan Perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditandatangani pada tahun 2010, yang dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi, akan mengukuhkan lagi ikatan politik, perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara. Beliau turut menyatakan penghargaan Chile terhadap Malaysia yang memainkan peranan hingga membolehkan Chile menyertai APEC.

Seramai 110 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah hadir ke ceramah umum tersebut.

Ceramah Umum bertajuk *The Middle East Crisis*

Satu ceramah umum bertajuk *The Middle East Crisis* oleh TYT Dr. Mostafa Dolatyar, Ketua Pengarah Institut Pengajian Politik dan Antarabangsa, Republik Islam Iran telah diadakan di IDFR pada 9 November 2011.



Dato' Ku Jaafar Ku Shaari telah memberikan ucapan alu-aluan, manakala Timbalan Ketua Pengarah IDFR, Ambasador Abdullah Faiz Zain telah mempengerusikan ceramah umum tersebut.

Dalam ucapannya, Dr. Mostafa Dolatyar telah memberikan pendapatnya mengenai krisis politik yang melanda negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara serta perbezaan politik yang telah menjelaskan hubungan antara negaranya dengan negara-negara Barat. Beliau menganggap Iran sebagai sebuah negara yang aman walaupun banyak menempuh cabaran termasuklah kesan daripada sekatan ekonomi yang dilakukan oleh negara Barat selama lebih tiga dekad. Beliau turut menegaskan bahawa Iran tidak mempunyai sebarang masalah dengan negara-negara jiran Arab yang lain, malah mempunyai banyak persamaan dari segi budaya, sosial dan ekonomi.

Dr. Mostafa Dolatyar kemudian menjelaskan bahawa pergolakan politik yang dihadapi oleh negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara adalah sama seperti keadaan di Iran sebelum revolusi Islam. Seperti di Iran dahulu, rakyat negara-negara tersebut menderita di bawah rejim autoritarian kerana kurang kebebasan dan keadaan rasuah dan diskriminasi yang sangat luas dan mereka kini mendambakan kebebasan, martabat dan kehidupan yang lebih baik.

Menyentuh konflik yang mungkin terjadi antara puak Syiah dan Sunni, beliau mengulas bahawa perbezaan antara mereka telah digunakan oleh pihak Barat untuk menyemai perpecahan dalam kalangan umat Islam. Beliau berpendapat tiada banyak perbezaan antara kedua-dua puak tersebut.

Mengenai isu nuklear yang ditimbulkan oleh negara Barat, beliau menegaskan bahawa Iran telah memenuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Beliau merasakan bahawa tekanan yang dikenakan oleh negara Barat ke atas Iran mengenai isu ini adalah untuk memaksa Iran menukar pendiriannya terhadap isu Palestin. Untuk mengetahui keadaan sebenar isu nuklear di Iran, beliau meminta para hadirin untuk membaca buku Dr. Mohamad El Baradei yang bertajuk *Age of Deception*. Menyentuh isu Palestin pula, beliau merasakan bahawa masalah di Palestin berpunca dari tiada keadilan untuk rakyat Palestin.

Beliau berpendapat bahawa selagi tiada keadilan untuk rakyat Palestin, tidak akan wujud keamanan di negara tersebut.

Dalam penggulungannya, Dr. Mostafa Dolatyar menyatakan bahawa Malaysia, sebagai salah sebuah negara Islam yang berjaya, boleh memainkan peranan dalam mempromosikan kebebasan, kemajuan dan juga pembangunan ekonomi di negara-negara Timur Tengah.

Seramai 210 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri ceramah umum tersebut.

Ceramah Umum bertajuk *Current Situation in Palestine*

Satu ceramah umum yang bertajuk *Current Situation in Palestine* yang disampaikan oleh TYT Abdullah Abdullah, Ketua Hubungan Luar Negeri, Gerakan Kebebasan Kebangsaan Palestin (FATEH) telah diadakan di IDFR pada 29 November 2011. Tan Sri Razali Ismail telah mempengerusikan sesi ceramah tersebut.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dato' Ku Jaafar Ku Shaari telah menyatakan bahawa situasi semasa di Palestin merupakan perkara yang membimbangkan dan menjadi perhatian rakyat Malaysia. Beliau turut menyentuh mengenai sumbangan Malaysia, termasuk usaha yang telah dijalankan oleh badan bukan kerajaan dalam meringankan penderitaan rakyat Palestin dan membantu mereka dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Ini diikuti dengan ucapan ringkas oleh TYT Kamal Malhotra, Penyelaras Residen, dan Wakil UNDP, yang telah menyampaikan perutusan daripada Setiausaha Agung PBB sempena *International Day of Solidarity with the Palestinian People*. Dalam perutusan tersebut, Setiausaha Agong PBB telah menyeru agar Israel dan Palestin menunjukkan sikap kepimpinan dalam usaha mencari jalan penyelesaian agar keamanan dan keadilan berkekalan wujud di Timur Tengah.

TYT Abdullah Abdullah, dalam ucapannya, telah mengucapkan terima kasih atas sokongan oleh Kerajaan Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin untuk mendapatkan kemerdekaan. Menurut beliau, Israel



TYT Abdullah Abdullah sewaktu menyampaikan ceramahnya

tidak jujur dalam usaha kedamaianya dan tindakan mereka seperti membina penempatan Yahudi di wilayah tertakluk adalah untuk merumitkan jalan penyelesaian bagi mewujudkan dua buah negara bebas di kawasan tersebut. Oleh itu, beliau merasakan bahawa rakyat Palestin perlu menggunakan pendekatan politik iaitu untuk mendapatkan sokongan antarabangsa dengan menjadi negara ahli PBB. Jika Palestin berjaya dalam tuntutan itu, maka Israel perlu menghormati Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan tidak boleh lagi menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang antarabangsa serta melakukan kekejaman terhadap rakyat Palestin.

TYT Abdullah Abdullah juga menyatakan bahawa rakyat Palestin mendapat banyak sokongan daripada komuniti antarabangsa dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan dan menjadi ahli PBB. Menurut beliau, usaha yang diambil oleh Amerika Syarikat untuk menyekat kemasukan Palestin ke badan dunia itu hanya meningkatkan lagi keazaman rakyat Palestin bagi mencapai cita-cita mereka. Menurut beliau, beliau tidak menentang rakyat Amerika tetapi dasar-dasar kerajaan Amerika Syarikat terhadap isu Palestin. Beliau turut menyentuh usaha yang telah diambil untuk membentuk perpaduan antara FATEH, HAMAS dan kumpulan-kumpulan lain yang mewakili rakyat Palestin.

Seramai 250 peserta dari agensi kerajaan, universiti, sektor swasta, kumpulan pemikir, badan bukan kerajaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur telah menghadiri ceramah umum ini.

Ceramah Jamuan Tengahari bertajuk *Current Regional Issues*

Satu ceramah jamuan tengahari yang bertajuk *Current Regional Issues*, yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, telah diadakan pada 29 November 2011 bertempat di IDFR. Ceramah tersebut telah dianjurkan bersama oleh AFMA, UNAM dan IDFR.

YM Tengku Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, Presiden UNAM yang juga Ahli Kehormat AFMA, telah menyampaikan ucapan alu-aluan di majlis tersebut. Dalam ucapannya, beliau telah menyenaraikan secara ringkas pencapaian dasar luar Malaysia semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam ceramahnya, Tun Dr Mahathir menyatakan perlunya bagi Malaysia memantau perkembangan politik, ekonomi dan juga sosial di rantau lain di dunia kerana ianya akan mempunyai impak kepada negara ini. Beliau juga berpendapat bahawa rantau Asia-Timur di mana Malaysia berada, sedang mengalami pembangunan yang amat pesat. Ini memberikan cabaran hebat kepada dunia Barat yang kini telah hilang kemampuan untuk bersaing khususnya dalam bidang pembuatan. Beliau juga berpendapat keadaan ini menyebabkan negara-negara Barat ‘mencipta’ pasaran kewangan yang menawarkan pelbagai bentuk produk kewangan yang telah mengakibatkan peningkatan spekulasi, manipulasi kewangan dan pelbagai bentuk aktiviti yang licik.

Penceramah kehormat tersebut juga berpendapat bahawa pasaran kewangan tersebut telah menghasilkan banyak kekayaan di dunia Barat namun tidak mampu menyediakan jumlah pekerjaan yang mencukupi dan ini telah mengakibatkan pengangguran yang tinggi di negara-negara berkenaan. Perkara ini juga telah mengakibatkan mereka yang terlibat dalam pasaran kewangan menjadi tamak yang seterusnya menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan mengakibatkan kegagalan bank, dana lindung nilai dan institusi kewangan yang lain.

Menyentuh kebangkitan negara-negara senjata nuklear yang baru, mantan Perdana Menteri itu menyatakan negara-negara tersebut tidak akan memberikan ancaman kepada dunia kerana Amerika Syarikat dan Rusia adalah lebih hebat dalam bidang ini dan negara-negara



Tun Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan ceramah beliau

nuklear yang baru tidak mungkin menggunakan senjata nuklear mereka kerana ianya akan mengakibatkan kesusuhanan mereka sendiri.

Menyentuh isu demokrasi pula, Tun Dr. Mahathir merasakan mana-mana negara tidak harus ke medan perang atas alasan untuk menggalakkan demokrasi kerana pererangan akan mengakibatkan kesusuhanan nyawa dan harta benda, dan merupakan satu dosa yang tidak dapat dimaafkan.

Seramai 70 tetamu yang dijemput khas dari AFMA, UNAM, *Chiefs Circle* dan IDFR telah menghadiri ceramah makan tengahari yang dijalankan secara tertutup itu.

Sarjana Sains Sosial Dalam Bidang Strategi dan Diplomasi

Program ini merupakan program anjuran bersama IDFR dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia merupakan program intensif penuh masa selama 13 bulan yang menawarkan pemahaman yang mendalam mengenai hubungan strategi dan diplomasi dalam konteks perubahan persekitaran di peringkat serantau dan global.

Modul program ini termasuklah *Research Methods in Strategy and Diplomacy*, *Contemporary Strategy*, *Asia-Pacific Strategic and Security Issues*, dan *International Security Issues*. Para pelajar juga wajib membentangkan tesis sarjana yang merupakan salah satu komponen utama program ini.

Program Sarjana bagi Sesi 2010/2011 melibatkan 11 pelajar yang terdiri daripada lima pelajar Malaysia dan enam pelajar antarabangsa. Pelajar antarabangsa tersebut adalah dari Bosnia Herzegovina, Fiji, Malawi, Maldives, Myammar dan juga Vietnam. Seramai empat daripada pelajar antarabangsa tersebut telah ditaja separa oleh Sekretariat Rancangan Colombo.

Program Sarjana Sesi 2011/2012 telah bermula pada 4 September 2011 dan dijadualkan berakhir pada 30 Ogos 2012. Seramai 15 pelajar telah mendaftar bagi mengikuti program ini. Mereka terdiri daripada sembilan pelajar Malaysia dan enam pelajar antarabangsa. Para pelajar antarabangsa tersebut adalah dari Gambia, Indonesia, Laos, Tanzania dan Yemen.

Selain dari kuliah, para pelajar program ini turut menyertai bengkel, perbincangan meja bulat dan ceramah umum yang dijalankan di IDFR. Penyertaan dalam acara-acara ini adalah untuk memberi mereka pendedahan kepada aspek-aspek praktikal diplomasi dan isu-isu semasa berkaitan hubungan antarabangsa dan secara tidak langsung telah menjadi pelengkap kepada apa dipelajari dalam kuliah harian.



LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN



LAPORAN BAHAGIAN PENGAJIAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Setelah kosong sekian lama, jawatan Pengarah telah diisi pada bulan April oleh Puan Rahimah Yeop, bekas pegawai kanan INTAN. Pada bulan Jun pula, Unit Hal Ehwal Awam telah dipindahkan dari Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat untuk seliaan Pengarah bahagian ini. Pada bulan Oktober, seorang pegawai di bahagian ini telah terpilih untuk mengikuti program Diploma Pengurusan Awam di INTAN selama enam bulan, menjadikan jumlah kakitangan bahagian ini seramai lapan orang.

UNIT PENERBITAN



Beberapa penerbitan IDFR untuk tahun 2011

Laporan Tahunan IDFR 2010

Laporan Tahunan IDFR 2010 telah diterbitkan pada bulan April 2011. Penerbitan ini memaparkan laporan kursus, aktiviti dan acara yang dianjurkan oleh kesemua bahagian di IDFR sepanjang tahun 2010 dan diselangi dengan pelbagai gambar berwarna-warni.

Diplomatic Voice

Pada awal tahun 2011, IDFR telah mengeluarkan buletin yang bertajuk *Diplomatic Voice*. Matlamat *Diplomatic Voice* adalah untuk membina satu platform untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat dan pengetahuan dalam kalangan pengamal diplomasi. Antara ruangan yang dipaparkan adalah *Profile of Prominent Person*,

Forum dan *In and Around IDFR*. Sebanyak empat jilid dirancang setiap tahun dan diedarkan dalam dan luar negara, meliputi antara lain, kementerian dan agensi kerajaan, universiti, institut penyelidikan, perwakilan asing di Kuala Lumpur, dan Kedutaan Malaysia dan institut diplomatik di luar negara.

IDFR 2012 Training Programmes

Penerbitan yang menyenaraikan kesemua kursus latihan dan bahasa yang dirancang oleh IDFR untuk tahun 2012 telah diterbitkan pada bulan November, dan telah diedarkan kepada para pegawai kanan serta Bahagian Sumber Manusia di kementerian dan agensi kerajaan, perwakilan asing di Kuala Lumpur yang terlibat dengan Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan agensi-agensi lain yang boleh menyertai program latihan di IDFR.

Malaysian Diplomats: Our Stories, Volume 1

Penerbitan ini, yang merupakan susulan kepada buku *Number One Wisma Putra*, merupakan kompilasi sepuluh artikel sumbangan para diplomat dan bekas diplomat Malaysia yang berkongsi pengalaman dan amatan mereka ketika menjalankan tugas di Misi Malaysia. Dengan sokongan dan sumbangan para diplomat dan bekas diplomat kita, jilid-jilid yang seterusnya dijangka akan diterbitkan setiap tahun.

Projek EPSA

Dengan kerjasama Cawangan Latihan, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri dan INTAN, Unit Penerbitan telah berjaya menyediakan modul secara atas talian yang bertajuk *Malaysia's Foreign Policy* yang boleh dicapai melalui portal E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA). Ia adalah modul pertama tentang dasar luar Malaysia yang dibangunkan untuk penjawat awam.

Projek CLIK

Unit Penerbitan, bersama-sama dengan Seksyen ICT, telah bekerjasama untuk menghasilkan satu sistem pengurusan projek yang dipanggil *CLIK* atau *Checklist of IDFR's Tasks and Communication* yang membolehkan



pihak pengurusan tertinggi IDFR mendapatkan gambaran keseluruhan dan membuat pemantauan yang lebih mendalam tentang kesemua kursus, projek atau acara yang dirancang, dikendalikan atau sedang berjalan di IDFR.

UNIT HAL EHWAL AWAM

Sepanjang tahun 2011, Unit Hal Ehwal Awam telah berjaya mengatur liputan media dan sidang media bagi acara-acara yang dijalankan oleh IDFR seperti Majlis Makan Malam bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sempena *Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses 1/2011*; Festival Filem Pendek Bangladesh 2011; *Wisma Putra International Charity Bazaar 2011*; Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri IDFR 2011; dan Majlis Makan Malam bersama Tan Sri Abu Bakar Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sempena *Orientation Course for Heads of Mission and Their Spouses 2/2011*.

Unit ini juga telah bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain dalam penganjuran ceramah umum/forum dan telah menguruskan liputan media, antaranya, bagi Ucaptama oleh Datuk Richard Riot Anak Jaem, Timbalan Menteri Luar Negeri sempena Sambutan ke-44 tahun Penubuhan ASEAN; dan Ucaptama oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia, sempena Forum Peace and Security: *Islamic Perspectives*.

Liputan media yang dilakukan turut disiarkan di televisyen dalam bentuk paparan khas semasa berita. Antaranya Ceramah Umum yang bertajuk *The Middle East Crisis* oleh TYT Dr. Mostafa Dolatyar dan slot khas temubual bersama Dr. Bouthaina Shaaban yang telah menyampaikan Ceramah Umum di IDFR yang bertajuk *Current Issues in Syria and Developments in the Region*. Liputan media yang diperoleh sepanjang 2011 menunjukkan peningkatan dalam sambutan yang diberikan oleh media massa kepada program yang dianjurkan oleh IDFR sekaligus memperkenalkan IDFR serta meningkatkan lagi nama IDFR kepada umum.

Unit Hal Ehwal Awam juga telah menyelaraskan tiga sesi bicarawara sepanjang 2011 seperti berikut: Dato' Ku Jaafar Ku Shaari dalam rancangan *Sudut Pandang* di saluran Astro Awani sebagai publisiti menjelang

Forum *Peace and Security: Islamic Perspectives*; Datin Sri Siti Rubiah Abdul Samad, Penaung Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri (PERWAKILAN) dalam slot *Selamat Pagi Malaysia* dan *Hello on Two* dan oleh radio KL.fm sebagai publisiti menjelang *Wisma Putra International Charity Bazaar 2011*.

Selari dengan misi IDFR - *Menjangkau dunia melalui polisi luar negeri Malaysia*, IDFR menyediakan ruang untuk orang ramai menyampaikan sebarang pertanyaan mengenai IDFR melalui info@idfr.gov.my dan Unit Hal Ehwal Awam bertanggungjawab untuk memberi maklum balas kepada pertanyaan tersebut dalam tempoh dua hari.

Sebagai jendela IDFR kepada dunia, portal IDFR perlu kekal relevan dan Unit Hal Ehwal Awam bersama dengan Bahagian ICT sentiasa memastikan setiap maklumat dalam www.idfr.gov.my dikemaskini dan setiap makluman mengenai acara/kursus latihan/program serta pengumuman dimuat naik secara konsisten. Ini juga termasuklah muat naik bulanan Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan IDFR oleh bahagian yang terlibat.



Datin Sri Siti Rubiah sedang ditemubual oleh juruhebah KL.fm



LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT



LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat meliputi fungsi pengurusan sumber manusia, kewangan, pengurusan maklumat dan teknologi dan juga pentadbiran awam IDFR. Fungsi bahagian ini diselaraskan melalui seksyen berikut: Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia; Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); dan Perpustakaan.

SEKSYEN PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Seksyen ini menyelaras dan menguruskan pentadbiran tiga unit, iaitu Unit Pentadbiran yang menguruskan khidmat sokongan pentadbiran, penyelenggaraan bangunan, keselamatan dan urusan logistik IDFR; Unit Kewangan yang berperanan dalam pengurusan sumber kewangan harian IDFR di samping bertanggungjawab dalam pengurusan wang tunai, pematuhan kepada dasar dan peraturan kewangan yang digunakan serta pengurusan perkhidmatan pembayaran gaji; dan Unit Sumber Manusia yang bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan pembangunan sumber manusia, pengambilan dan penempatan kakitangan.

Di sepanjang tahun 2011, seksyen ini telah melaksanakan beberapa program dalam bidang berikut:

KECEKAPAN PENGURUSAN

Sesi Taklimat dan Latihan *Hands-on* tentang Submodul SKT dan LNPT menggunakan Aplikasi HRMIS

Sesi taklimat dan latihan ini, yang diadakan pada 21 Julai 2011, telah memberi pendedahan kepada para pegawai dan kakitangan dalam menginput dan mengemaskini Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) melalui Aplikasi Sistem Pengurusan Sumber Manusia melalui talian (HRMIS).

Bengkel Pelaksanaan Bajet Berasaskan *Outcome-Based Budgeting (OBB)* untuk Kementerian Luar Negeri

Dua siri bengkel ini telah dikendalikan oleh Bahagian Kewangan dan Akaun, Kementerian Luar Negeri

dengan kerjasama Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Sumber Manusia IDFR. Bengkel ini bermatlamat sebagai langkah awal dalam menyokong pelaksanaan OBB secara berperingkat bagi menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai (*Modified Budgeting System*). OBB bertindak sebagai landasan dari amalan belanjawan semasa, yang mengubah penekanan dari input ke output dan hasil berkaitan perbelanjaan kerajaan.

Bengkel ini telah berjaya mewujudkan enam penanggungjawab dan sembilan program bagi Kementerian dan pemetaan strategik berdasarkan *Programme Activity Architecture (PAA)* Kementerian dibangunkan untuk pelaksanaan OBB dengan lebih berkesan.

Bengkel Klasifikasi Fail

Bengkel ini, yang dikendalikan oleh Arkib Negara Malaysia dari 7 hingga 9 Disember 2011, membabitkan 18 pegawai dan kakitangan dari kesemua bahagian. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyelaras sistem klasifikasi fail IDFR yang merangkumi pengwujudan fail dan nombor rujukan baru. Ini akan memudahkan penyimpanan rekod dan dapatkan semula maklumat dari sistem pengurusan rekod IDFR.

Sesi Percambahan Fikiran IDFR

Sebagai kesinambungan kepada proses perancangan strategik, sesi percambahan fikiran siri kedua telah diadakan dari 18 hingga 19 Februari 2011. Sesi ini telah memfokus kepada penetapan hala tuju dan pembangunan strategi dalam mencapai visi dan misi IDFR. Seramai 25 pegawai telah menyertai sesi selama dua hari ini.

Proses perancangan strategik ini dirumuskan dengan pewujudan Pelan Tindakan pada sesi percambahan fikiran siri ketiga yang diadakan di Hotel Thistle, Port Dickson dari 5 hingga 6 Julai 2011. Sesi terakhir ini, yang dihadiri oleh 20 pegawai, telah memfokus kepada Pelan Tindakan dan senarai tindakan yang diperlukan dalam mencapai strategi yang telah ditetapkan. Bagi



setiap senarai tindakan, Petunjuk Prestasi Utama, jangkamasa dan keutamaan telah dikenalpasti di samping pegawai yang bertanggungjawab untuk setiap tindakan dalam Pelan Tindakan tersebut.

MENINGKATKAN KESIHATAN UNTUK KUALITI HIDUP

Sesi Sembang Senam

Sesi Sembang Senam untuk semua kakitangan yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan diadakan setiap bulan bagi menyemai kecergasan fizikal dan kesihatan secara menyeluruh. Sesi ini juga dapat memperkuuhkan kemesraan dalam kalangan kakitangan.

Sesi dimulakan dengan nyanyian lagu *Negaraku* dan lagu berteraskan patriotik diikuti dengan ucapan oleh Dato' Ku Jaafar Ku Shaari. Sebelum sesi aerobik dimulakan, majlis memotong kek diadakan bagi meraikan hari lahir kakitangan IDFR pada bulan berkenaan.

Taklimat Penerangan Program Kebajikan anjuran CUEPACS

Susulan dari pelancaran Skim Simpanan dan Kesihatan Kelompok oleh CUEPACS, satu sesi taklimat berkaitan program berkenaan telah diadakan pada 12 Ogos 2011. Taklimat telah diberikan oleh Pegawai Perhubungan Awam CUEPACS iaitu Encik Adzman Abas.

JALINAN KERJASAMA DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT



Dato' Samarajoo Maniam menerima cenderamata daripada Dato' Ku Jaafar Ku Shaari

Lawatan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

Satu delegasi seramai 13 pegawai Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia yang diketuai oleh Dato' Samarajoo Maniam, telah melawat IDFR pada 14 Jun 2011 bagi mendapatkan panduan berkaitan program dan aktiviti yang dikendalikan oleh institut ini.

Satu taklimat ringkas berkenaan operasi dan pengendalian latihan di IDFR telah diadakan di Bilik Triti. Sesi tersebut berakhir dengan lawatan sekitar IDFR dan jamuan *High-Tea* yang telah dihoskan oleh Dato' Ku Jaafar Ku Shaari dan Pengarah-Pengarah IDFR.

Lawatan Persatuan Pengurusan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Pada 24 November 2011, IDFR telah bersetuju menerima permintaan dari Persatuan Pengurusan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia bagi mengadakan sesi taklimat untuk ahli-ahlinya yang terdiri daripada pelajar sarjana muda berkaitan peranan IDFR sebagai institut latihan bagi para pegawai diplomatik Malaysia. Para pelajar tersebut kemudiannya dibawa melawat sekitar IDFR.

SAMBUTAN PERAYAAN

Amanat Ramadan

Satu perhimpunan kakitangan telah diadakan pada 29 Julai 2011 bersempena dengan sambutan bulan Ramadan. Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, dalam amanat Ramadan beliau, telah menerangkan kebaikan dan kelebihan berpuasa kepada kakitangan dan menggalakkan mereka untuk menyertai dan melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dirancang sepanjang bulan tersebut.

Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya IDFR

Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri IDFR telah diadakan pada 15 September 2011 bertempat di Dewan Serbaguna. Antara yang dijemput untuk menghadiri sambutan hari raya itu adalah pembekal-pembekal IDFR sebagai satu cara untuk mengeratkan hubungan kerja yang lebih baik.



Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin bersama para penerima anugerah UNESCO

Hari UNESCO Malaysia

Malaysia meraikan sambutan Hari UNESCO dengan mengadakan satu majlis perasmian serta pelancaran Kelab UNESCO IPT Malaysia oleh Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, di Dewan Serbaguna IDFR pada 18 November 2011. Sambutan tersebut diadakan bagi menonjolkan pembabitan aktif Malaysia dan kejayaannya dalam UNESCO dan memberi penghargaan kepada mereka yang telah menerima anugerah dari badan itu.

Majlis tersebut telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia di mana IDFR telah dilantik sebagai jawatankuasa logistik. Ia menyaksikan penyertaan seramai 600 orang dan telah disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia.

SEKSYEN ICT

Seksyen ICT berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan ICT yang merangkumi pembangunan dasar, perancangan dan pengurusan projek ICT serta pengendalian

infrastruktur dari segi peralatan, perisian, rangkaian dan sistem aplikasi. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam mengatur strategi, pembangunan aplikasi perniagaan yang boleh dipercayai, perkhidmatan elektronik dan infrastruktur selaras dengan inisiatif kerajaan elektronik kepada pengguna utama IDFR.

Sepanjang tahun 2011, Seksyen ICT telah menjalankan beberapa aktiviti dan perkhidmatan untuk keperluan penggunanya:

Pembangunan dan Penyelenggaraan Aplikasi Sistem

- ❖ Mengemaskini maklumat dalam Portal IDFR dan memastikan portal tersebut menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pada tahun 2011, Portal IDFR berasaskan Penilaian Portal dan Laman Web Agensi Kerajaan Malaysia 2011 yang dilaksanakan oleh Multimedia Development Corporation telah dianugerahkan empat bintang dengan 78 markah dan berada pada kedudukan ke-16 bagi keseluruhan laman web agensi kerajaan



- ❖ Menyelenggara Sistem Pendaftaran Kursus, Intranet, Direktori Pegawai, Buletin, Aduan ICT, Tempahan Peralatan ICT dan Direktori Tenaga Pengajar agar sentiasa terkini dan berfungsi dengan baik
- ❖ Mengguna pakai beberapa aplikasi sistem yang dibangunkan oleh pihak MAMPU seperti *MyMeeting* dan *1Daftar*

Penyelenggaraan Perkakasan dan Perisian ICT

Penyelenggaraan peralatan dan perisian ICT secara berkala yang merangkumi *switch*, *server*, komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas dan sistem pengoperasian oleh kakitangan ICT dan pembekal yang telah dilantik

Program Pembudayaan ICT

Program ini diwujudkan untuk memberi pendedahan kepada pengguna tentang teknologi maklumat. Ia berkonsepkan perkongsian pengetahuan yang dirangka bagi menyalurkan maklumat dan mendidik pengguna tentang isu-isu berkaitan ICT melalui beberapa siri latihan.

- ❖ Latihan Kepenggunaan Sistem *MyMeeting* dan Sistem *CLIK*

Latihan berkaitan Sistem *MyMeeting* dan Sistem *CLIK* diadakan untuk memberi pendedahan awal

tentang fungsi sistem-sistem tersebut kepada pengguna. Latihan secara *hands-on* ini memberi peluang kepada para peserta untuk mendapat gambaran keseluruhan tentang pengoperasian dan prosedur sistem berkenaan.

- ❖ Kursus Bahasa Pengaturcaraan PHP dan MySQL

Kursus yang dilaksanakan secara *hands on* ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran para pegawai ICT mengenai bahasa pengaturcaraan dan pembangunan sistem.

- ❖ Siri Teknologi Terkini oleh Pembekal ICT

Taklimat mengenai Sistem Kerajaan Elektronik oleh MAMPU, *Content Filtering* oleh Data Alliance Sdn. Bhd. dan *Live Video Streaming* oleh Israk Technology Sdn Bhd. telah diadakan di IDFR sebagai salah satu cara perkongsian maklumat berkaitan teknologi terkini ICT kepada warga IDFR.

- ❖ Program Pendidikan ICT

Program ini dijalankan melalui pengedaran artikel berkaitan isu-isu ICT melalui e-mel kepada warga IDFR dengan tujuan untuk memberi maklumat dan pemahaman asas tentang isu berkaitan ICT.



Latihan Kepenggunaan Sistem *MyMeeting* dan Sistem *CLIK*



Seksyen Perpustakaan

Perpustakaan IDFR menyediakan perkhidmatan maklumat dan rujukan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan diplomatik Malaysia termasuk peserta kursus IDFR dan pelajar pasca siswazah dalam bidang diplomasi dan hubungan luar.

Perpustakaan IDFR mempunyai koleksi yang lengkap dan terkini yang terdiri daripada pelbagai bahan dalam bentuk cetak, multimedia dan elektronik yang boleh diakses melalui webOPAC perpustakaan di laman <http://opac.idfr.gov.my/> atau melalui portal perpustakaan iaitu www.idfr.gov.my/library bagi mendapatkan maklumat terperinci.

Beberapa inisiatif telah diambil oleh Perpustakaan IDFR dalam meningkatkan perkhidmatan maklumat dan rujukan dan mengalakkan budaya membaca dalam kalangan pengguna perpustakaan. Antaranya adalah:

- ❖ Mengjururkan program *Everyone Can Borrow* di mana kakitangan perpustakaan akan membawa buku-buku yang boleh dipinjam ke setiap bahagian
- ❖ Menjalankan peminjaman buku berkelompok dari Perpustakaan Negara Malaysia
- ❖ Mempromosi perolehan buku-buku baru melalui medium elektronik
- ❖ Menjalankan beberapa siri bengkel pencarian maklumat untuk sesi pengambilan pelajar baru program Sarjana Sains Sosial dan program *Diploma in Diplomacy*
- ❖ Menjalankan empat pameran mini bersiri termasuk *Tun Razak: Bapa Pembangunan, Tun Mahathir: Bapa Pemodenan, Tunku Abdul Rahman: Bapa Kemerdekaan* dan *Kementerian Luar Negeri: Legasi Diplomasi*
- ❖ Mewujudkan *Sudut Kesihatan* bagi mempromosi gaya hidup sihat
- ❖ Menjalankan dua siri kuiz bertemakan *Kenali Perpustakaan Anda* dan *Kuiz Kemerdekaan*
- ❖ Memberi anugerah kepada peminjam yang meminjam buku dalam jumlah tertinggi



Program *Everyone Can Borrow*



WISMA PUTRA INTERNATIONAL CHARITY BAZAAR 2011



WISMA PUTRA INTERNATIONAL CHARITY BAZAAR 2011

IDFR telah berjaya menganjurkan buat julung kalinya, *Wisma Putra International Charity Bazaar 2011* (WPICB 2011), dengan kerjasama Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri Malaysia atau lebih dikenali sebagai PERWAKILAN. Acara yang diadakan pada 16 dan 17 April 2011 itu bertujuan untuk mengumpul dana, yang kemudiannya disampaikan kepada PERWAKILAN untuk disalurkan kepada Wad Pediatrik, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebanyak lima kawasan bertema diwujudkan sempena WPICB 2011, iaitu *Global Village*, *World Cuisine*, *It's a Small World*, *Aim High* dan *Bazaar Malaysia*. *Global Village* yang bertempat di tingkat satu dan dua bangunan asrama, telah disertai oleh 32 perwakilan asing di Kuala Lumpur, di mana mereka telah memperkenalkan himpunan barang yang berwarna-warni serta unik dari negara masing-masing. Terletak di bahagian belakang Institut adalah *World Cuisine*, yang menjual pelbagai variasi hidangan menyelerakan dari beberapa

buah negara. Turut dijual adalah *pho*, iaitu sejenis mi sup dari Vietnam. *It's a Small World* pula menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan dilangsungkan di Dewan Serbaguna dan beberapa tempat di sekeliling IDFR. Antara persembahan kebudayaan yang telah diadakan adalah dari Bangladesh, China, Pakistan, Palestin, Rusia dan Venezuela. Turut diadakan di Dewan Serbaguna adalah *Aim High* yang menempatkan pameran pendidikan dari universiti-universiti awam dan swasta serta sekolah-sekolah antarabangsa. Kawasan bertema yang terakhir, iaitu *Bazaar Malaysia*, terletak di bahagian tengah IDFR di mana produk dan kraftangan tempatan seperti batik dan songket dijual.

Bazar tersebut telah dirasmikan oleh Datin Sri Siti Rubiah Datuk Abdul Samad, isteri kepada Menteri Luar Negeri dan juga penaung PERWAKILAN. Sejurus menyampaikan ucapan perasmian beliau, Datin Sri Siti Rubiah memukul gong sebagai tanda pembukaan rasmi *Wisma Putra International Charity Bazaar 2011*.



Datin Sri Siti Rubiah Abdul Samad (tiga dari kiri) bergambar bersama para penaja



Ini disusuli dengan acara penyampaian *mock cheques* oleh para penaja Bazar tersebut, termasuk Tan Chong Motor Holding Berhad, Naza Kia, Celcom Axiata, Sushi King, Lembaga Koko Malaysia dan Suruhanjaya Tinggi Singapura, yang diiringi oleh *Little Ambassadors* – anak-anak kecil pegawai perwakilan asing di Kuala Lumpur, yang lengkap berpakaian baju kebangsaan masing-masing.

Para tetamu kenamaan seterusnya mengadakan lawatan ke setiap bahagian di Bazar tersebut. Datin Sri Siti Rubiah, diiringi oleh Tan Sri Mohd. Radzi Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan isteri, Puan Sri Jazliza Jalaluddin, juga Presiden PERWAKILAN serta tetamu kenamaan yang lain, telah meluangkan masa beberapa jam berinteraksi dengan para pempamer dan peserta, meneliti barang yang dipamerkan, dan merasa pelbagai hidangan di *World Cuisine*.

Suasana pesta dan karnival jelas dirasai sepanjang dua hari tersebut, di mana pelbagai persembahan

kebudayaan telah selang-seli diadakan di dalam dan luar Dewan Serbaguna. Antara persembahan yang diadakan di dalam dewan adalah persembahan nyanyian dan tarian oleh Kedutaan Palestin yang menonjolkan semangat setiaawan, demonstrasi tarian Salsa oleh Kedutaan Venezuela dan juga persembahan menarik oleh kanak-kanak dari Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia. Persembahan yang berlangsung di luar dewan pula adalah persembahan alunan muzik pancaragam oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Setapak, Sekolah Menengah Kebangsaan Chong Hwa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Klang. Wakil dari Suruhanjaya Tinggi Maldives turut mengadakan tarian selamat datang di *Bazaar Malaysia*.

Beribu pengunjung telah berpusu-pusu melawat Bazar tersebut sepanjang dua hari. Walaupun mungkin ada antara mereka tidak membeli barang yang penting, namun mereka sudah pasti dapat merasai pengalaman seperti berada di beberapa negara yang berbeza dalam satu hari, dan semuanya berada di bawah satu bumbung!



Wakil dari pelbagai negara memperagakan pakaian tradisional



Para peserta *Orientation Course for Heads of Mission and their Spouses 1/2011* sewaktu sesi bersama Tan Sri Hasmy Agam

Participants of the *Orientation Course for Heads of Mission and their Spouses 1/2011* during a session with Tan Sri Hasmy Agam

DYTM Raja Dr. Nazrin Shah menyampaikan titah baginda di jamuan makan malam *Black Tie* yang diadakan di Hotel Shangri-la, Kuala Lumpur

HRH Raja Dr. Nazrin Shah delivering his Address at a Black Tie dinner held at Shangri-la Hotel, Kuala Lumpur



Seorang peserta *Workshop on Public Diplomacy and Media Skills* menerima sijilnya daripada Dato' Ku Jaafar Ku Shaari

A participant of the *Workshop on Public Diplomacy and Media Skills* receiving his certificate from Dato' Ku Jaafar Ku Shaari

Kunjungan daripada TYT Dr. Georges Pinto Rebelo Chicoty, Menteri Hal Ehwal Luar Angola ke IDFR

Visit by H.E. Dr. Georges Pinto Rebelo Chicoty, Minister of External Affairs of Angola to IDFR





Delegasi dari Saranrom Institute of Foreign Affairs (SIFA), Thailand sewaktu melawat IDFR

Delegation from the Saranrom Institute of Foreign Affairs (SIFA), Thailand during a visit to IDFR

Para peserta *Diplomatic Training Course for International Participants* sewaktu mengadakan lawatan ke Parlimen

Participants of the *Diplomatic Training Course for International Participants* during their visit to the Parliament



TYT Simon Featherstone, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, menyampaikan ceramah yang bertajuk *Globalised Diplomacy-Diplomats of the 21st Century*

H.E. Simon Featherstone, British High Commissioner to Malaysia, delivering his lecture on *Globalised Diplomacy-Diplomats of the 21st Century*

Para peserta *Diploma in Diplomacy 2/2010-2011* membuat persembahan nyanyian semasa majlis graduasi

Participants of the *Diploma in Diplomacy 2/2010-2011* performing a song at their graduation ceremony





Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin melawat salah satu tapak pameran di Hari UNESCO Malaysia 2011

Deputy Prime Minister, Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin visiting one of the booths at *Hari UNESCO Malaysia 2011*

Beberapa pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengikuti kursus *English for Communication*

Several officers from Dewan Bahasa dan Pustaka who participated in the *English for Communication* course



Dr. Carlos Lopes, Pengarah Eksekutif, Institut Latihan dan Penyelidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNITAR), menyampaikan ceramah beliau

Dr. Carlos Lopes, Executive Director of the United Nations Institute for Training and Research (UNITAR), delivering his lecture

T.Y.T Dr. Mario Nobile menyampaikan ceramah bertajuk *From Peacekeeping to Peacemaking-A Story of Transformation in the Former Yugoslavia*

H.E. Dr. Mario Nobile delivering his lecture entitled *From Peacekeeping to Peacemaking-A Story of Transformation in the Former Yugoslavia*





Tan Sri Abu Bakar Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, menerima cenderamata daripada Tan Sri Mohd. Radzi Abdul Rahman, Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri Malaysia

Tan Sri Abu Bakar Abdullah, Director General of Malaysia's Public Service Department, receiving a memento from Tan Sri Mohd. Radzi Abdul Rahman, Secretary General of the Ministry of Foreign Affairs, Malaysia

Para peserta *Building Blocks of Good English 2/2011* mengadakan perbincangan berkumpulan

Participants of *Building Blocks of Good English 2/2011* during a group discussion



Ahli Johor Student Leaders Council (JSLC) membuat persembahan nyanyian sewaktu upacara penutup *Young Diplomats Programme*

Members of the Johor Student Leaders Council (JSLC) performing a song at the closing of the *Young Diplomats Programme*

Kakitangan IDFR mengikuti Praktikum Makan Beradap yang merupakan sebahagian dari *Kursus Protokol dan Etiket*

IDFR staff participating in a Fine Dining Practicum, which is part of the *Protocol and Etiquette Course*





